



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.08 | DUHA 6.31 | ZUHUR 12.06 | ASAR 3.27 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.14 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 137

14 NOVEMBER 2022 / 1444 19 ربیع الآخر

مانیسش ایمان

"DAN Dia telah mengurniakan kepada kamu segala apa yang kamu pohonkan kepada-Nya dan jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak terkira banyaknya".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 34.

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

BERANGKAT KE MAJLIS PENUTUP SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-40, KE-41



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Penutup Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 dan Ke-41 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan dan Penyerahan Pengerusi ASEAN kepada Republik Indonesia, yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.

■ Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

PHNOM PENH, KEMBOJA, Ahad, 13 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Majlis Penutup

Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 dan Ke-41 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan dan Penyerahan Pengerusi ASEAN kepada Republik Indonesia, yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



ASEAN
CAMBODIA 2022

ASEAN A.C.T.: Addressing Challenges Together

ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

>> Muka 3

Bermunajat mohon keampunan, perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 November. - Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama diteruskan lagi malam tadi bagi minggu ke-61, dengan mengundang beberapa tetamu khas, terdiri daripada Jawatankuasa Takmir Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Kuala Belait;

pelajar-pelajar IBTE Kampus Jefri Bolkiah, Kuala Belait; dan Belia-belia Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lambak Kiri.

Malam Munajat minggu ini juga menyaksikan penyertaan jemaah daripada 105 masjid, termasuk surau dan balai ibadat seluruh negara dan warga Kementerian Hal

Ehwal Ugama berserta keluarga dari kediaman masing-masing.

Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait, Dato Paduka Awang Haji Jamain bin Haji Julaihi memulakan acara pada malam tadi dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha, dari Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait.

>> Muka 13

Tingkatkan kesedaran tentang penyakit Diabetes

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 November. - Penyakit Diabetes adalah keadaan kronik yang serius disebabkan oleh kekurangan pengeluaran insulin atau penggunaan insulin yang tidak berkesan oleh tubuh badan seseorang yang menghidap penyakit tersebut dan mengakibatkan paras gula di dalam darah tinggi (*hiperglisemia*).

Pendedahan yang berpanjangan pada hiperglisemia boleh mengakibatkan kerosakan organ, yang akhirnya boleh

menyebabkan buta, kegagalan buah pinggang, serangan jantung, Strok, amputasi anggota badan dan kematian pramatang.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2022.

Yang Berhormat menambah, menurut laporan yang dikeluarkan oleh Persekutuan Diabetes Antarabangsa (The International Diabetes Federation), dianggarkan seramai 537 juta orang dewasa di seluruh dunia

menghidap Diabetes, pada tahun 2021 dan angka ini dijangka akan meningkat menjadi 643 juta orang dewasa menjelang tahun 2030.

"Apa yang lebih membimbangkan, hampir 1 daripada 2 orang dewasa tidak menyedari mereka menghidap Diabetes dan terdapat 6.7 juta kematian akibat Diabetes direkodkan, pada tahun 2021, iaitu dalam setiap 5 saat, seorang pesakit yang menghidap Diabetes telah meninggal dunia di seluruh dunia," jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

>> Muka 13



Berita Utama



PLATFORM komuniti dalam pembelajaran profesional
Muka 15



SUDUT Bacaan : Pupuk budaya membaca masyarakat
Muka 17



RENCANA

TINGKATKAN kebajikan warga emas, sayangi mereka
Muka 29





MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad berucap pada Majlis Konvokesyen Pusat Pembangunan Belia 2022 bertempat di Pusat Pembangunan Belia pada Rabu, 31 Ogos 2022.

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

ALHAMDUILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya juga, dapatlah kita sama-sama hadir di majlis yang penuh bermakna ini iaitu Majlis Konvokesyen Pusat Pembangunan Belia (PPB) 2022.

Terlebih dahulu, setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua 113 bakal graduan yang berjaya menamatkan kursus. Pencapaian ini menunjukkan tiada yang mustahil hasil kerja keras dan semangat para graduan sendiri. Ia bukan perkara yang mudah untuk mempelajari kemahiran baharu tetapi atas titik peluh dan usaha

Belia stakeholder dinamik

masing-masing, setiap graduan telah menunjukkan kebolehan yang sebenar sebagai belia yang mampu menerajui landasan strategi dalam memacu pembangunan negara.

Saya ingin membawa para graduan untuk sama-sama mengimbas kembali kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-17 pada 9 Ogos 2022.

Antara lain, baginda telah menekankan bahawa belia adalah komponen kritikal dalam usaha pembangunan negara, selaku *stakeholder* yang dinamik. Dan apa yang turut penting, belia juga adalah tetap dituntut untuk tidak mengabaikan akhlak yang mulia dan tidak meminggirkan ke tepi calak kebruneian kita : 'Melayu Islam Beraja'.

Dengan kemahiran yang dipelajari, tiada alasan bagi para graduan untuk tidak mencabar diri demi melangkah ke hala baru bermula hari ini. Pada menjunjung titah baginda, ingatlah, di samping latihan kemahiran, para graduan juga telah dibentuk untuk mempunyai jati diri yang hebat kerana ilmu tanpa akhlak setentunya tidak mempunyai sebarang makna.

Oleh yang demikian, percayalah kepada diri sendiri, tingkatkanlah kesabaran dan ingatlah, tiada jalan yang mudah kecuali dengan kerja keras dan kesungguhan diri sendiri.

Jadilah anak Brunei yang berkualiti, berakhhlak mulia serta tidak mengetahui perkataan 'kalah' terutamanya dalam melangkah ke alam pekerjaan yang akan datang.

Ingatlah hari ini bukannya satu pengakhiran malah ia adalah permulaan

untuk menimba perjalanan yang lebih jauh ke hadapan.

Pada masa yang sama, tidak dinafikan bahawa apa yang turut penting ialah sokongan setiap pihak melalui pendekatan senegara bagi memastikan para graduan diberikan peluang serta mampu untuk mencapai yang terbaik.

Kepada PPB, kita amat menyambut baik langkah yang telah dan terus diambil dalam meningkatkan jumlah graduan yang mencapai objektif yang diharatkan iaitu *marketable* untuk diambil bekerja, mengendalikan perusahaan sendiri atau berkeupayaan untuk melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi.

Dalam masa yang sama, kita juga turut berbangga atas usaha berterusan PPB untuk memastikan latihan-latihan kemahiran yang ditawarkan adalah benar-benar *market-driven* bagi kursus jangka masa panjang mahupun kursus jangka pendek. Ini termasuk inisiatif terkini iaitu kerjasama PPB dengan pihak swasta untuk memperkenalkan Program Komuniti, Kursus Atelier Fesyen dan Desain Apparel yang dimulakan tahun ini.

Di samping itu, saya turut mengambil maklum dan amat gembira PPB telah dan terus mengembangkan skop perkhidmatan untuk meliputi latihan *up / reskilling* dan kemudahan inkubator bagi alumni usahawan PPB mahupun golongan sasaran demi meninggalkan impak yang diharatkan.

Ini amat bertepatan dengan visi PPB yang baharu iaitu 'Memperkasa Komuniti ke Arah Kecemerlangan', dengan hasrat untuk memperkuatkannya peranan PPB dalam inisiatif pembelajaran sepanjang hayat di negara ini dan sekali gus, merealisasikannya sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan yang inklusif.

Oleh itu, teruskanlah usaha ini dan tingkatkanlagi kerjasama bersama rakan-rakan strategik termasuk Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Manpower Industry Steering Committee (MISC), JobCentre, Life Long Learning (L.Cube) Centre, institut pendidikan lain dan pihak-pihak industri untuk terus menghasilkan graduan yang menyeluruh, *marketable* dan benar-benar tepat dengan kehendak pasaran.

Dengan hala tuju ini, saya amat yakin setiap graduan akan berada di puncak kejayaan yang memberikan kesan tinggi kepada negara, mencapai cita-cita masing-masing dan seterusnya, mencapai matlamat Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 dan yang lebih besar, Wawasan Negara 2035 sebagai Belia Siaga Masa Depan, insyaaAllah.

Sebelum mengakhiri, sekali lagi setinggi-tinggi syabas kepada para graduan. Ingatlah *biskita* patut berbangga kerana perjalanan yang dilalui bukanlah perkara yang senang.

Pada masa yang sama, kekalahan silaturahim yang telah dijalankan. Ingatlah para graduan dan sekalian warga PPB adalah keluarga besar *biskita*.

Ingatlah jati diri, kekuatan fizikal dan jasmani dan *biskita* adalah belia Brunei yang berpegang teguh kepada falsafah Melayu Islam Beraja.

Dalam kesempatan ini, tidak lupa diucapkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada pihak PPB yang telah mencurahkan ilmu dan melengkapkan belia kita dengan keperibadian demi menjamin kesejahteraan mereka sendiri, keluarga masyarakat dan negara untuk jangka masa yang panjang.

>> Muka 14

SIDANG PENGARANG 14 NOVEMBER 2022

Berjuang dengan ujian

BILA kita bercakap mengenai dengan ujian, kita sering saja mengeluh kerana beranggapan ujian ini sebagai suatu yang negatif. Tetapi, ujian ini terlalu besar dan terlalu banyak. Sebagai contoh, ujian diberikan kesihatan yang baik, ujian diberikan kemewahan, ujian diberikan kesenangan, ujian diberikan apa sahaja yang kita inginkan. Manakala ujian berbentuk kesakitan, ujian berbentuk kesusahan yang sering bermain dalam fikiran kita. Dalam hal lain, ujian yang kita tidak tahu bila berlaku ialah ujian saat Allah ambil orang yang kita sayangi. Ia akan datang dalam sekilap mata tanpa ada tanda atau peringatan.

Ujian diberikan kesihatan ini hendaklah kita sentiasa syukuri kerana ia akan datang pada bila-bila masa. Oleh itu, mestilah kita syukuri bila kita dalam keadaan sihat. Sihat dari aspek rohani dan aspek jasmani. Bilamana kita diberikan ujian kemewahan dan kesenangan, seperti dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 261 antara lain makna terjemahannya, "Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti (menanam) sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi 100 biji. Dan Allah mengandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas (rahmat dan limpah kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui". Kemewahan dan kesenangan yang kita akan tinggalkan atau agih-agihkan kepada waris setelah kita pergi meninggalkan dunia ini. Janganlah kita bangga dengan kemewahan dan kesenangan dunia tetapi kemewahan dan kesenangan di akhirat kelak yang mestilah kita pertingkatkan.

Bagi ujian yang sering bermain difikiran kita seperti ujian kesakitan. Kesakitan ini adalah sebagai penghapus dosa-dosa kecil kita. Kenapa kita diberikan kesakitan, perkara ini dipetik dalam hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu dari Abi Sa'id al-Khudri dan dari Abu Hurairah Radiallahu Anhu menceritakan bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Tidak ada yang menimpah seorang Muslim dari suatu kepayaan / kepenatan, kesakitan, kekecewaan, kesedihan, tindakan yang menyakitkan dari orang lain dan kedukacitaan hatta duri yang menusuknya melainkan Allah akan menghapuskan dengannya sebahagian dari dosa-dosanya". Di saat kita ditimpa kesakitan, kita akan terkenan akan dosa-dosa kita yang pernah kita lakukan.

Bilamana kita diuji dengan kehilangan orang yang kita sayangi, kita akan rasa menyesal, kita akan rasa beban dan banyak perkara yang akan timbul dalam fikiran kita. Penyesalan yang selalu kita dengar ialah, tidak sempat untuk meminta maaf. Dengan penyesalan ia tidak dapat mengembalikan orang yang kita sayangi. Sekiranya orang yang kita sayangi pergi kerana sakit yang ditimpa, berkhidmatlah atau berbakti kepada mereka. Dengan kita berkhidmat atau berbakti kepada mereka, ia akan mengurangkan rasa penyesalan. Dalam hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu dari Abi Hurairah Radiallahu Anhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Apabila seseorang anak Adam itu meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dengannya dan anak soleh yang mendoakan untuknya". Sedekah jariah yang terbaik ialah sesuatu yang kita sedekahkan bermanfaat dan diguna untuk orang lain. Ilmu yang bermanfaat pula, ilmu yang berterusan dipraktikkan, diajarkan supaya ilmu itu sentiasa bermanfaat. Dan anak yang soleh sentiasa mendoakan supaya diberikan rahmat, keampunan atas dosa-dosa dan ditempatkan pada tempat yang tertinggi di syurga.

Mari lah kita sama-sama menghadapi ujian ini dengan berlapang dada dan menerima segala ujian ini sebagai pengajaran dalam kehidupan kita sehari-hari. Segala ujian yang kita terima ini adalah kerana Allah sayangkan kita. Sekian Sidang Pengarang buat keluarannya kali ini. - Ketua Penyuntingan (Fa)

WAKTU SEMBAHYANG												
NOVEMBER	MASIH	HARI	RABIULAKHIR	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	AŞAR	MAGHRIB	İSYAK
14	ISNIN	19	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14		
15	SELASA	20	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14		
16	RABU	21	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.27	6.02	7.14		
17	KHAMIS	22	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15		
18	JUMAAT	23	4.37	4.47	6.09	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15		
19	SABTU	24	4.38	4.48	6.09	6.32	12.07	3.28	6.02	7.15		
20	AHAD	25	4.38	4.48	6.09	6.33	12.07	3.28	6.02	7.15		

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan		
31 °C	31 °C	32 °C
Pekan Bangar		
30 °C	31 °C	30 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Pekan Tutong		
30 °C	31 °C	30 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Kuala Belait		
30 °C	30 °C	30 °C
24 °C	24 °C	24 °C
WallahuAlam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	www.met.gov.bn	

Berangkat ke Majlis Penutup Sidang Kemuncak ASEAN Ke-40, Ke-41



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Penutup Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 dan Ke-41 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan dan Penyerahan Pengerusi ASEAN kepada Republik Indonesia, yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



>> Muka 1

Majlis Penutup tersebut dimulakan dengan Ucapan Penutup daripada Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen selaku Pengerusi ASEAN, di mana Tuan Yang Terutama melahirkan penghargaan kepada semua Ketua Negara dan Kerajaan ASEAN yang menghadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 dan Ke-41 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Kemboja, seterusnya menghargai Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi atas sumbangan - sumbangannya sejak pelantikannya sebagai Setiausaha Agung ASEAN.

Semasa majlis tersebut, Awang Haji Muhammad Iqbal Fakhri Haji Damit dari Negara Brunei Darussalam diumumkan sebagai penerima ASEAN Prize 2022, di mana beliau dihargai atas kepimpinan aktif, dalam gerakan belia dan kesukarelawanan, khususnya memberikan bantuan kepada orang-orang kehilangan tempat tinggal, sekali gus menjawai semangat Komuniti ASEAN yang

berorientasikan rakyat dan berdaya tahan.

TYT Perdana Menteri Kemboja, seterusnya menyerahkan kedudukannya sebagai Pengerusi ASEAN kepada Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Joko Widodo melalui penyerahan Gavel Pengerusi ASEAN sebagai penyerahan simbolik kepada Republik Indonesia, yang akan menjadi Pengerusi ASEAN bagi Tahun 2023.

Ini diikuti dengan ucapan daripada Presiden Republik Indonesia, antara lainnya menekankan mengenai isu-isu yang akan diutamakan oleh Republik Indonesia pada tahun

2023 selaku Pengerusi ASEAN, di bawah tema 'ASEAN Matters : Epicentrum of Growth'; dan sebuah tayangan video dari Republik Indonesia selaku Pengerusi ASEAN 2023.

Di bawah kepengerusian Kemboja pada tahun ini, para Pemimpin, antara lainnya bersetuju pada dasarnya bagi keahlian Timor-Leste selaku Ahli ASEAN ke-11 dan bagi negara berkenaan untuk diberikan status Negara Pemerhati dalam ASEAN, ini termasuk penyertaan dalam kesemua mesyuarat-mesyuarat ASEAN serta sesi-sesi plenary pada Sidang Kemuncak.

ASEAN juga meningkatkan hubungan bersama Amerika Syarikat dan Republik India melalui penubuhan Perkongsian Strategik Komprehensif di antara

kedua-dua buah negara berkenaan.

Selain itu, pengumuman kemuktamadann substantif perundingan menaik taraf Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand (ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Area - AANZFTA) juga merupakan salah satu Priority Economic Deliverables (PEDs) bagi Kemboja, di mana Negara Brunei Darussalam selaku Negara Penyelaras bagi AANZFTA.

Penaiktarafan Perjanjian ini dijangka akan membuka peluang-peluang baharu di rantau ini, dengan penerapan elemen-elemen baharu ke dalam Perjanjian tersebut seperti Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) dan Pembangunan Mampan.



TUAN Yang Terutama Perdana Menteri Kemboja, seterusnya menghargai Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi atas sumbangan-sumbangannya sejak pelantikannya sebagai Setiausaha Agung ASEAN dan menyerahkan kedudukannya sebagai Pengerusi ASEAN kepada Tuan Yang Terutama Presiden Republik Indonesia melalui penyerahan Gavel Pengerusi ASEAN sebagai penyerahan simbolik kepada Republik Indonesia, yang akan menjadi Pengerusi ASEAN bagi tahun 2023 (kiri dan kanan).

EAS GALAKKAN KEAMANAN, KESTABILAN SERANTAU



PHNOM PENH, KEMBOJA,
Ahad, 13 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat ke Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) Ke-17, yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa Sidang Kemuncak ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menekankan, bahawa EAS - sebagai sebuah forum yang diterajui pemimpin-pimpinan utama - telah menggalakkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran di rantau ini. Oleh itu, EAS hendaklah kekal relevan secara strategik dan praktikal bagi dialog yang membina serta kerjasama pelbagai hala.

Ke arah ini, baginda menggariskan kepentingan bagi semua pihak untuk terus menyokong multilateralisme yang diasaskan pada prinsip Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan berdasarkan pada undang-undang antarabangsa.

Menyentuh mengenai isu Kesihatan Mental yang berpotensi untuk menghalang kemajuan sosioekonomi dan kesejahteraan seluruh rakyat, baginda menekankan keperluan bagi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) Ke-17, yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

semua pihak untuk terus bekerjasama rapat, dalam mengongsikan dasar serta kepakaran praktikal bagi membantu meringankan beban.

Sebagai susulan pada Kenyataan Pemimpin-pimpinan EAS mengenai Kerjasama Kesihatan Mental yang diluluskan pada tahun lepas, baginda juga menyeru supaya pihak masing-masing dapat membangunkan pelan tindakan, bagi menggalakkan kerjasama serantau dan antarabangsa mengenai Kesihatan Mental.

Manakala ASEAN, titah baginda, sedang berusaha untuk menubuhkan Pusat Perubahan

Iklim di Negara Brunei Darussalam, bagi memastikan

rantau ini lebih bersedia dengan mengurangkan kesan terhadap keselamatan makanan dan peralihan ke sumber tenaga yang boleh diperbaharui.

Oleh itu, kepakaran teknikal dan saintifik daripada rakan-rakan kongsi bagi membantu pusat berkenaan, dalam membangunkan dasar untuk menangani isu-isu silang dengan lebih baik adalah dialu-alukan.

Semasa Sidang Kemuncak ini, Presiden European Council, Tuan Yang Terutama Charles Michel dan Setiausaha Agung Shanghai Cooperation Organisation (SCO), Tuan Yang Terutama Zhang Ming menerangkan mengenai keselamatan makanan dan tenaga.

Sementara itu, Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi turut melaporkan perkembangan penting EAS, termasuk kerjasama dalam menangani isu kesihatan global, memajukan ke arah masa depan tenaga yang mampu, kerjasama yang lebih besar dalam perdagangan serantau dan global, serta kerjasama maritim.

Sementara itu, para Pemimpin EAS menyuarakan keimbangan bersama mereka terhadap cabaran keselamatan global, seterusnya menyeru agar penyelesaian konflik secara aman damai dapat dicapai melalui dialog serta menegakkan komitmen terhadap multilateralisme.

Para pemimpin juga mengharapkan integrasi ekonomi serantau yang lebih baik serta meningkatkan kerjasama EAS, dalam pendigitalan dan tenaga mampu.



PARA pemimpin dan perwakilan negara yang menghadiri EAS Ke-17 berkenaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama para pemimpin dan para perwakilan negara-negara yang menghadiri EAS Ke-17 (atas dan kiri).



KEMUKTAMADAN SUBSTANTIF PERUNDINGAN MENAIK TARAF AANZFTA



ASEAN A.C.T - Addressing Challenges Together

Leaders' Announcement of the Substantial Conclusion of the ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Area (AANZFTA) Upgrade Negotiations

13 November 2022 | Phnom Penh, Cambodia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri acara bagi mengumumkan kemuktamadan substantif perundingan menaik taraf Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand (ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Area - AANZFTA).

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

PHNOM PENH, KEMBOJA, Ahad, 13 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat

menghadiri acara bagi mengumumkan kemuktamadan substantif perundingan menaik taraf Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand (ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Area - AANZFTA) iaitu salah satu Priority Economic Deliverables (PEDs) bagi Kemboja, negara Pengerusi

bagi ASEAN pada tahun ini. Acara yang diadakan di pinggir Sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 dan 41 ini turut dihadiri oleh Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen selaku Pengerusi Sidang Kemuncak ASEAN bagi tahun ini; Perdana Menteri Australia, Tuan Yang Terutama Anthony Albanese dan Perdana Menteri New Zealand, Puan Yang Terutama Jacinda Ardern.

Negara Brunei Darussalam merupakan negara penyelaras bagi Perjanjian AANZFTA dan penaiktarafannya yang telah bermula pada tahun 2021.

Penaiktarafan perjanjian ini dijangka akan membuka peluang-peluang baharu dengan penerapan elemen-elemen baharu seperti Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan Pembangunan Berdaya Tahan ke dalam perjanjian tersebut.

Dengan penaiktarafan ini,

perjanjian ini juga mengekalkan identiti sebagai sebuah perjanjian yang bertaraf tinggi, responsif terhadap cabaran-cabaran baharu, menerapkan amalan-amalan perdagangan moden dan bermakna bagi peniaga-peniaga di rantau ini.

Perjanjian yang dinaik taraf ini juga dijangka akan memacu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang inklusif serta berdaya tahan.

Berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam Gala



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam Gala yang dihoskan oleh Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen yang juga selaku Pengerusi ASEAN. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

PHNOM PENH, KEMBOJA, Sabtu, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Gala bagi meraikan kehadiran Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN, Pemimpin-pemimpin Negara Rakan Dialog dan tetamu-tetamu khas yang menghadiri Sidang-sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 dan Ke-41 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan, yang dihoskan oleh Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen yang juga selaku Pengerusi ASEAN.

Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sejurus keberangkatan tiba di Chroy Changvar International Convention and Exhibition Centre,



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Perdana Menteri Kemboja. Majlis ini juga diserikan dengan beberapa Persembahan Kebudayaan.

Para Pemimpin ASEAN dan Rakan-rakan Dialog akan meneruskan perbincangan mereka semasa ASEAN Global Dialogue Ke-2 dan Sidang Kemuncak Asia Timur Ke-17 pada Ahad, 13 November 2022.

ASEAN-KANADA SOKONG SISTEM PERDAGANGAN TERBUKA, BERDASARKAN PERATURAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Kanada yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ak. Mohd. Aminol
Adi Azraie Pg. Haji Nikman

PHNOM PENH, KEMBOJA, Sabtu, 12 November. - Selepas sahaja menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Amerika Syarikat Ke-10, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Kanada, hari ini, yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja.

Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada Sidang Kemuncak Komemoratif ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyatakan, tahun ini menandakan Ulang Tahun Ke-45 bagi Hubungan Dialog ASEAN-Kanada.

Dalam menuju ke arah perkongsian strategik, Negara Brunei Darussalam (NBD) menyambut baik bagi kerjasama bersama Kanada ini untuk dipertingkatkan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya menjelaskan bahawa pandemik COVID-19 telah memperlihatkan pentingnya untuk meningkatkan kerjasama dalam keselamatan makanan. Dalam hal ini, baginda menyambut baik program-program pembangunan kapasiti dan perkongsian

sama-sama menyokong sistem perdagangan yang terbuka dan berdasarkan peraturan.

Oleh itu, baginda mengalau-alukan penyelesaian perundingan tersebut dengan secepat mungkin, yang mana ia akan dapat membina perkembangan mampan dan merapatkan Kanada kepada ASEAN dari segi strategik.

Sementara itu, Perdana Menteri Kanada, Tuan Yang Terutama Justin Trudeau, dalam ucapannya mengiktiraf perkembangan hubungan antara ASEAN dan

Kanada selama 45 tahun yang menghasilkan kerjasama kukuh di rantau ini.

Ini termasuk perundingan bagi penubuhan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Kanada yang akan membolehkan perniagaan Kanada untuk memasuki pasaran Asia Tenggara.

Dalam Sidang Kemuncak ini, para pemimpin mengalau-alukan strategi baharu Kanada mengenai Indo-Pasifik, dan seterusnya menggariskan kepentingan untuk menangani pelbagai cabaran



ekonomi serta meningkatkan pembangunan modal insan melalui pelaburan dalam pendidikan.

Pada penghujung Sidang Kemuncak ini, ASEAN-Canada 45th Anniversary Commemorative Summit Joint Statement telah diluluskan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai pada Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Kanada yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja.

MENGALUKAN PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI, PERTUKARAN PENGETAHUAN AS



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN lainnya ke Sidang Kemuncak ASEAN-Amerika Syarikat (AS) Ke-10. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan bawah kanan), manakala gambar bawah kiri, Presiden AS, Tuan Yang Terutama Joseph R. Biden Jr. ketika hadir pada Sidang Kemuncak tersebut.



PHNOM PENH, KEMBOJA, Sabtu, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

lainnya ke Sidang Kemuncak ASEAN-Amerika Syarikat (AS) Ke-10, hari ini, yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja.

Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada Sidang Kemuncak ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam bertitah menggariskan sumbangan AS yang berterusan ke arah kemajuan dan pembangunan sosioekonomi ASEAN.

Oleh itu, baginda menzahirkan penghargaan terhadap sokongan yang berterusan ini melalui kepimpinan dan program-program pendidikan seperti Fulbright, Young Southeast Asian Leaders

Initiative (Y-SEALI) dan ASEAN-U.S. Internship, yang telah meningkatkan pemahaman di antara penduduk-penduduk ASEAN dan AS serta mengukuhkan keupayaan mereka.

Ke arah pemulihan serantau, baginda menekankan bahawa ASEAN dan AS perlu meningkatkan kerjasama dalam infrastruktur digital dan e-Perniagaan, terutamanya bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Penduduk

dan perniagaan menjadi lebih bergantung kepada internet, yang mendedahkan mereka kepada ancaman sekuriti siber seperti pemecahan data dan penipuan.

Dalam perkara ini, baginda mengalu-alukan peningkatan program-program pembangunan kapasiti dan pertukaran pengetahuan daripada AS untuk memperkuatkkan keupayaan sekuriti siber.

Dalam mengakhiri titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yakin dengan penubuhan Perkongsian Komprehensif Strategik ASEAN-AS akan lebih bermakna, substantif dan meraih manfaat bersama.

Sementara itu, Presiden AS, Tuan Yang Terutama Joseph R. Biden Jr. semasa menyampaikan ucapan, antara lainnya menekankan bahawa ASEAN adalah nadi bagi strategi AS di rantau Indo-Pasifik dan akan terus mengukuhkan komitmen bagi menangani isu-isu utama termasuk perubahan iklim dan keselamatan kesihatan, ke arah mencapai rantau Indo-Pasifik yang bebas, terbuka, stabil dan makmur.

Semasa Sidang Kemuncak ini, para pemimpin menekankan keperluan untuk memastikan Perkongsian Strategik Komprehensif ASEAN-AS dapat menyokong pemulihan ekonomi dan kedayaatan serantau dengan meningkatkan kerjasama dalam keselamatan maritim, tenaga bersih dan pembangunan digital.

Pada penghujung Sidang Kemuncak ini, ASEAN-U.S. Leaders' Statement on the Establishment of the ASEAN-U.S. Comprehensive Strategic Partnership telah diluluskan.



BINCANG PELBAGAI ISU KEPENTINGAN BERSAMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi Mesyuarat Dua Hala bersama Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand Romualdez Marcos Jr. yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas, atas kanan dan kanan).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

PHNOM PENH, KEMBOJA, Sabtu, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang ini berkenan berangkat bagi Mesyuarat Dua Hala bersama Presiden Republik

Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand Romualdez Marcos Jr. yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasa mesyuarat berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina antara lainnya berbincang mengenai pelbagai perkara yang menjadi kepentingan bersama dalam mengukuhkan hubungan dua hala yang sekian lama terjalin antara kedua-dua buah negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah menyampaikan ucapan tahniah kepada Tuan Yang Terutama atas pelantikannya sebagai Presiden Republik Filipina yang baharu pada 30 Jun 2022.

Hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan

Republik Filipina telah dijalankan pada Januari 1984, dan kedua-dua buah negara mempunyai hubungan yang rapat dan mesra melalui kerjasama dalam bidang ekonomi, pertahanan dan buruh.



Perkongsian ASEAN, Jepun untuk kemakmuran rakyat



PHNOM PENH, KEMBOJA, Sabtu, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun Ke-25, hari ini yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja.

Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada Sidang Kemuncak ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan bahawa ASEAN dan Jepun mempunyai hubungan strategik

yang rapat dan unik, yang saling memanfaatkan kedua-dua belah pihak.

Menjelang Ulang Tahun Ke-50 Hubungan Dialog di antara ASEAN dan Jepun pada tahun 2023, baginda berpendapat bahawa ASEAN dan Jepun perlu memberikan hala tuju bagi perkongsian pada masa hadapan bagi meningkatkan lagi kemakmuran rakyat dan rantau ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menekankan keperluan untuk bekerjasama dalam menangani isu perubahan iklim dengan melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah Agenda Tindakan Perubahan Iklim ASEAN-Jepun.

Dalam perkara ini, baginda menggalakkan sokongan Jepun terhadap penubuhan Pusat Perubahan Iklim ASEAN di Negara Brunei Darussalam

(NBD).

Menyentuh mengenai isu penuaan masyarakat, baginda menggariskan kepentingan isu berkenaan dan menyedari tanggungjawab bersama bagi memastikan masyarakat tersebut diberi dukungan yang diperlukan.

Seluruh masyarakat, pendapat baginda, akan dapat meraih manfaat bersama sekiranya warga emas menjalankan gaya hidup yang sihat dan produktif, seperti mana yang dihasratkan dalam ASEAN Comprehensive Framework on Care Economy.

Dalam mengakhiri titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia yakin bahawa ASEAN mempelajari dari Jepun, khususnya mengenai dasar-dasar yang dilaksanakan dan mengamalkan pemikiran yang menjurus kepada penuaan aktif bagi memastikan kemesraan dan keharmonian masyarakat dan penduduk.

Sementara itu, Perdana Menteri

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN lainnya ke Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun Ke-25. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan atas kiri).

Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida dalam kenyataannya mengongsikan bahawa Jepun bersedia untuk bekerjasama dengan ASEAN ke arah keamanan dan kemakmuran rantau ini melalui usaha-usaha ke arah pemulihan ekonomi pasca COVID-19 dan mengekalkan kerjasama antarabangsa yang bebas dan terbuka.

Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Prayut Chan-o-cha sebagai Negara Penyelaras bagi Hubungan Dialog ASEAN-Jepun kemudian menyampaikan Kenyataan Bersama ASEAN, di mana TYT menekankan bahawa ASEAN melihat peluang-peluang untuk memperkuatkkan kedayatahanan kesihatan awam dan perkongsian ekonomi dengan

Jepun, masing-masing melalui penubuhan ASEAN Centre for Public Health Emergency and Emerging Diseases (ACPHEED) dan pelaburan untuk mengukuhkan rantaian bekalan global.

Pada Sidang Kemuncak itu, para pemimpin menyedari kerjasama ASEAN-Jepun perlu dipertingkatkan lagi, memandangkan persamaan asas dalam aspirasi untuk rantau Indo-Pasifik, melalui ASEAN Outlook on the Indo-Pacific and Japan's Free and Open Indo-Pacific.

Selain itu, para pemimpin juga menyeru bagi pengukuhan kerjasama dalam ekonomi hijau, mengurangkan kesan-kesan perubahan iklim dan pengurusan risiko bencana.

KERJASAMA ASEAN-AUSTRALIA TERUS BERKEMBANG LEBIH KUKUH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Australia Ke-2 yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan bawah).



Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

PHNOM PENH, KEMBOJA,
Sabtu, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar

'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-Australia Ke-2 yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Pada Sidang Kemuncak berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menekankan bahawa Australia adalah Rakan

Dialog pertama ASEAN dan baginda melahirkan perasaan gembira atas kerjasama ASEAN-Australia yang terus berkembang dan lebih kukuh, meskipun berhadapan dengan kemelut krisis.

Baginda selanjutnya bertitah menzahirkan penghargaan atas komitmen teguh Australia kepada ASEAN melalui inisiatif Australia untuk ASEAN, dengan beberapa biasiswa telah ditawarkan kepada Negara-negara Anggota ASEAN dalam menyediakan asas untuk hubungan rakyat dengan rakyat yang lebih erat dan menyumbang kepada daya tahan serantau.

Ini titah baginda termasuk sokongan berharga negara

berkenaan terhadap kerjasama kesihatan mental terutamanya semasa Negara Brunei Darussalam menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun lepas.

Menyentuh mengenai penaiktarafan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand (A.A.N.Z.F.T.A.), Kebawah DYMM bertitah menyatakan bahawa ia merupakan sebuah perjanjian paling komprehensif ASEAN dengan Rakan-rakan Dialog sambil menggalakkan kesimpulan yang cukup banyak dalam perundingan, serta mengalu-alukan pelaksanaan awal (A.A.N.Z.F.T.A.).

Pada penghujung titah,

Kebawah DYMM menekankan kerjasama ASEAN-Australia di bawah Perkongsian Strategik Komprehensif akan membawa manfaat yang bermakna dan berkekalan kepada rantau ini.

Sementara itu, Perdana Menteri Australia, The Honourable Anthony Albanese, semasa menyampaikan ucapan antara lainnya mengesahkan semula komitmen Australia terhadap kerjasama di bawah ASEAN Outlook on the Indo-Pacific (AOIP), penyediaan bantuan pembangunan kepada ASEAN, serta pelbagai usaha terhadap peralihan tenaga.

Manakala Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Phankham Viphavanh, selaku Negara Penyelaras bagi Hubungan Dialog ASEAN-Australia, seterusnya menyampaikan Kenyataan Bersama ASEAN yang antara lainnya menghargai sokongan Australia terhadap perpaduan ASEAN dan penglibatan aktif dalam mekanisme yang dipimpin oleh ASEAN ke arah integrasi ekonomi dan hubungan rakyat-ke-rakyat yang lebih kukuh.

Pada Sidang Kemuncak berkenaan, para pemimpin menyokong persekitaran yang mesra perniagaan bagi memastikan aliran barang dan perkhidmatan tidak tersekat, dan juga pertukaran pengetahuan dan pengalaman dalam pelbagai bidang berkepentingan bersama termasuk teknologi digital dan perubahan iklim.

Pada penghujung Sidang Kemuncak berkenaan, Joint Statement of the 2nd ASEAN-Australia Summit on Cooperation on the ASEAN Outlook on Indo-Pacific telah diluluskan.



KAJI SEMULA PERJANJIAN PERDAGANGAN BARANGAN ASEAN-INDIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-India Ke-19 Bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-30 Hubungan Dialog ASEAN-India bersama para pemimpin lainnya yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kembuja. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan bawah).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ak. Mohd. Aminol
Adi Azraie Pg. Haji Nikman

PHNOM PENH, KEMBOJA, Sabtu, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan keperluan untuk menjadikan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-India lebih mudah, mesra perniagaan, dan responsif terhadap pelbagai cabaran ekonomi.

Oleh itu, baginda mengalaukan semua pihak untuk mengkaji semula Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN-India dengan segera.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengenai perkara berkenaan semasa menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN-India Ke-19 Bagi Memperingati Ulang Tahun Ke-30 Hubungan Dialog ASEAN-India bersama para pemimpin lainnya yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kembuja.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah menyatakan bahawa pada tahun ini menandakan Ulang Tahun Ke-30 Hubungan Dialog ASEAN-India.

Baginda mengakui, perkongsian antara kedua-dua belah pihak sejak bertahun lamanya telah melihat perkembangan yang pesat dan baginda seterusnya menzahirkan penghargaan

terhadap sumbangan Republik India kepada keamanan dan kemakmuran rantau ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah menitikberatkan kepentingan pelaburan dalam pembangunan para belia dengan melengkapkan mereka dengan pelbagai ciri kemahiran yang berpatutan.

Dalam menghargai kepimpinan India di bidang sains digital termasuk *artificial intelligence*, baginda juga bertitah turut mengalaukan kerjasama

pembangunan modal insan melalui kerjasama lanjut antara institusi-institusi pengajian tinggi.

Sementara itu, Naib Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Jagdeep Dhankhar, semasa menyampaikan ucapan antara lainnya mengongsikan mengenai perkembangan hubungan ASEAN-India yang bersifat pelbagai dimensi, melalui penglibatan dalam bidang kesalinghubungan, perubahan iklim, keselamatan, teknologi dan perdagangan.

Manakala Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong, selaku Negara Penyelaras Hubungan Dialog ASEAN-India,

seterusnya menyampaikan Kenyataan Bersama ASEAN yang menggariskan hubungan kukuh antara ASEAN dan India, yang membolehkan penerokaan kerjasama praktikal ke arah meningkatkan aliran perdagangan dan pelaburan serta kesalinghubungan serantau.

Dalam Sidang Kemuncak berkenaan, para pemimpin mengalaukan penaiktarafan hubungan ASEAN-India ke Perkongsian Strategik Komprehensif dan seterusnya menggalakkan kedua-dua belah pihak untuk meraih pelbagai peluang dalam pembangunan digital, kesihatan, keselamatan dan kesalinghubungan.



**ASEAN
CAMBODIA 2022**
ASEAN A.C.T.:
Addressing Challenges Together

Pada penghujung Sidang Kemuncak berkenaan, ASEAN-India Joint Statement on the Comprehensive Strategic Partnership telah diluluskan.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



APT TERUS JADI PLATFORM KERJASAMA PENTING KETIKA HADAPI KRISIS



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sidang Kemuncak ASEAN Plus Three (APT) Ke-25 yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



PHNOM PENH, KEMBOJA,
Sabtu, 12 November. -
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pagi ini berkenan berangkat ke Sidang Kemuncak ASEAN Plus Three (APT) Ke-25 yang berlangsung di Sokha Phnom Penh Hotel, Kemboja.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pagi ini berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak APT Ke-25.

Semasa Sidang Kemuncak berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menzahirkan kegembiraan baginda, kerana APT terus menjadi platform kerjasama penting termasuk ketika menghadapi krisis, dan pada tahun ini menandakan Ulang Tahun Ke-25 bagi Mekanisme APT.

Baginda seterusnya bertitah menyatakan satu pengajaran yang dipelajari daripada

pandemik COVID-19 adalah keperluan masyarakat untuk bersiap siaga dan berdaya tahan.

Perkara ini titah baginda, membawa kepada penubuhan Bandar Seri Begawan Declaration on the Strategic and Holistic Initiative to Link ASEAN Responses to Emergencies and Disasters (ASEAN SHIELD) semasa Negara Brunei Darussalam menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2021, yang antara lainnya bertujuan untuk meningkatkan penyelarasan mekanisme ASEAN yang sedia ada ketika menghadapi kecemasan dan bencana.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah mengenai salah satu mekanisme APT yang menyumbang kepada kesiapsiagaan adalah APT

Emergency Rice Reserve (APTERR), kerana ia khusus bagi memastikan ketersediaan beras semasa keadaan kecemasan.

Justeru itu, baginda bertitah menggariskan keperluan untuk memastikan mekanisme berkenaan sentiasa tersedia dan dapat bertindak balas dengan cepat terhadap situasi kekurangan makanan di rantau ini.

Kebawah DYMM juga bertitah mencadangkan pihak masing-masing untuk mengkaji semula kesiapsiagaan APTERR secara strategik dan holistik.

Pada akhir titah, Kebawah DYMM menekankan kesihatan mental adalah isu yang sering kali terlepas pandang dan boleh mengakibatkan penurunan tahap produktiviti yang signifikan serta pelbagai kesan negatif terhadap sosioekonomi pada masa hadapan jika isu berkenaan tidak ditangani.

Dalam perkara ini, baginda mengalui-alukan kerjasama dalam kalangan APT untuk meningkatkan kesedaran dan manangani isu yang penting ini.

Sementara itu, Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Yoon Suk-yeol, selaku Negara Penyelaras bagi Hubungan Dialog APT, semasa menyampaikan ucapan melahirkan harapan untuk mengukuhkan lagi kerjasama antara ASEAN dan negara-negara Plus Three dalam menghadapi pelbagai cabaran termasuk cabaran makanan dan keselamatan tenaga yang disebabkan oleh perubahan iklim.

Ini diikuti dengan kenyataan Premier of the State Council of the People's Republic of China, Tuan Yang Terutama Li Keqiang, yang menekankan pencapaian APT dalam bidang rizab makanan dan kewangan ke arah meningkatkan pembangunan sosioekonominya, serta sebagai kestabilan rantai bekalan industri antarabangsa dan serantau.

Manakala Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Fumio Kishida, mengalui-alukan kemajuan teguh dalam bidang kerjasama baharu antara ASEAN dan negara-negara Plus Three seperti ekonomi digital dan pertanian yang berdaya tahan dan menekankan pengukuhan kerjasama dalam empat bidang utama, iaitu kerjasama maritim; kesalinghubungan; pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG); dan pemulihan awal akibat pandemik COVID-19.

Pada Sidang Kemuncak berkenaan, para pemimpin menggalakkan kerjasama dan integrasi yang lebih baik dalam kalangan APT untuk mengukuhkan daya tahan rantai bekalan makanan, menggalakkan pertanian mampan serta menangani jurang digital.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai pada ke Sidang Kemuncak APT Ke-25.

DPMM FC MARA KE SEPARUH AKHIR PIALA FA BRUNEI 2022



Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Masri Osman, Hamzah Mohidin



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat menyaksikan perlawanan di antara DPMM FC menentang Indera SC. Berangkat sama, anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim.

BERAKAS, Ahad, 13 November. - DPMM FC mara ke separuh akhir Piala FA Brunei 2022 setelah berpesta gol menentang Indera SC, dengan jaringan 0 - 8, pada perlawanan kedua suku akhir, yang berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Kemenangan tersebut menyaksikan DPMM FC menang secara keseluruhan, dengan agregat 13 - 1, setelah menewaskan Indera SC, pada perlawanan pertama, dengan jaringan 5 - 1.

Pada perlawanan tersebut, Muhammad Azwan Ali Rahman; dan Muhammad Hakeme Yazid Said, masing-masing menjaringkan dua gol bagi DPMM FC, manakala Muhammad Shahrazen Said; Muhd. Nurikhwan Othman; dan Ak. Muhd. Ali Munawwar Pg. Abdul Rahman, masing-masing menjaringkan satu gol untuk DPMM FC.

Separuh masa pertama perlawanan menyaksikan DPMM FC membuka tirai jaringan gol seawal minit ke-15 menerusi Muhammad Azwan Ali Rahman, seterusnya dengan bijak mengawal permainan hingga

pengadil meniupkan wisel penamat separuh masa pertama.

Pada babak kedua, DPMM FC terus mengawal permainan dan melakukan serangan demi serangan hingga Muhammad Azwan Ali Rahman sekali lagi berjaya menjaringkan gol, pada minit ke-46 bagi mendahului 0 - 2.

Selang sembilan minit kemudian, Muhammad Shahrazen Said seterusnya menjaringkan gol dan menyaksikan DPMM FC terus bermain selesa dengan mendahului Indera

Indera SC terus berputih mata pada perlawanan berkenaan apabila pemain mereka sendiri, Maverick Lim Soon Heng menjaringkan gol ke gawang sendiri, pada minit ke-57.

Muh. Nurikhwan Othman; dan Muhammad Hakeme Yazid Said, masing-masing menambah luka kepada Indera SC apabila berjaya menggegar gawang Indera SC, pada minit ke-64; dan ke-79 untuk terus mengungguli dengan jaringan, 0 - 6.

Ak. Muhd. Ali Munawwar Pg. Abdul Rahman bijak mengambil kesempatan atas kesilapan pemain Indera SC

dengan menjaringkan gol setelah umpanan dari sayap kiri menemui beliau, seterusnya disudahi dengan baik pada jarak dekat, pada minit ke-84.

Muhammad Hakeme Yazid Said menggandakan jaringan beliau pada perlawanan berkenaan apabila serangan balas pantas dilakukan menerusi sayap kanan dan berjaya menewaskan penjaga gawang Indera SC, Jin Yee Lim, pada minit ke-88 untuk memberikan kedudukan DPMM FC, 0 - 8 dan kedudukan berkenaan kekal hingga perlawanan ditamatkan.



SEBAHAGIAN aksi perlawanan di antara DPMM FC menentang Indera SC di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas (atas dan atas sekali kanan). Manakala gambar kanan, antara yang hadir memberikan sokongan.

BERMUNAJAT MOHON KEAMPUNAN, PERLINDUNGAN ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Seterusnya, bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai, dipimpin oleh Pelajar IBTE Kampus Jefri Bolkiah, Kuala Belait, Awang Abdul Azmi Rajae bin Haji Abd. Aziz bersama Pelajar-pelajar IBTE Kampus Jefri Bolkiah dari Masjid Zainab, Lumut. Ini diikuti dengan bacaan Doa Munajat oleh Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman, dari Mushalla Al-Ameen, PDI.

Seterusnya tazkirah, bertajuk 'Al-Muraqabah', disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Beliau mengingatkan, bahawa sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala, kita sentiasa berada di dalam pengawasan

dan pemerhatian-Nya. Allah Subhanahu Wata'ala memerhatikan setiap perbuatan yang kita lakukan.

Hatta, apa yang kita fikirkan yang terlintas dalam hati kita sekalipun semuanya berada dalam pengetahuan Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam erti kata lain, kita tidak akan pernah terlepas sekalipun daripada pandangan Allah Subhanahu Wata'ala.

Muraqabah merupakan satu perasaan seorang hamba yang rasa, bahawa dirinya sentiasa dalam pengawasan dan pemerhatian Allah Subhanahu Wata'ala, yang membuatkannya suka serta gemar melakukan ketaatan dan takut untuk melakukan perkara yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Beliau menambah, Muraqabah ini semestinya ada pada diri setiap orang yang beriman, di mana apabila seseorang itu mewujudkan

perasaan Muraqabah pada dirinya, pasti ia akan rasa nikmatnya beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Acara Malam Munajat diteruskan lagi dengan bacaan Asmaul Husna, dipimpin oleh Imam Masjid STKRJ Kampung Lambak Kiri, Awang Mohd. Wafiuddin bin Mohd. Wajeh bersama Belia-belia Masjid STKRJ Kampung Lambak Kiri.

Bagi memberkati acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid dari Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait, Awang Abdul Qayyuum bin Haji Aminuddin.

Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama mengajak orang ramai melipatgandakan amalan sehari-hari dengan membaca ayat-ayat suci Al-Quran, berdoa, berzikir dan beristighfar semata-mata untuk memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan keredaan Allah Subhanahu



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Wata'ala.

Di samping itu, berdoa agar Rakyat dan Negara Brunei Darussalam sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah yang tidak diingini serta berjaya membendung penularan penyakit merbahaya, seperti COVID-19.

Orang ramai dipelawa untuk menyertai Malam Munajat dari mana jua mereka berada, pada setiap abtu (malam Ahad), dengan melayari pautan, <http://tiny.cc/munajatkheu> atau melalui Instagram Pusat Da'wah Islamiah, @pdi_kheu.

Tingkatkan kesedaran tentang penyakit Diabetes

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

Di Negara Brunei Darussalam, menurut kaji selidik Brunei STEPS 2015-2016, tambah Yang Berhormat, 1 dalam setiap 10 orang dewasa menghidap Diabetes dan Diabetes kekal sebagai salah satu penyebab utama kematian selepas serangan jantung dan kanser.

"Sejak tahun 1991, Persekutuan Diabetes Antarabangsa dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menyambut Hari Diabetes Sedunia setiap tahun, pada 14 November; dan ini adalah kempem terbesar di peringkat antarabangsa untuk meningkatkan kesedaran tentang penyakit

Diabetes.

"Tema Sambutan Hari Diabetes Sedunia bagi tahun 2021 hingga tahun 2023 ialah 'Akses kepada Penjagaan Diabetes'. Sambutan pada tahun ini memberi tumpuan kepada keperluan untuk akses yang lebih baik kepada pendidikan Diabetes yang berkualiti bagi para pakar perubatan (*healthcare professionals*) dan individu yang menghidap penyakit Diabetes: 'Pendidikan untuk Melindungi Hari Esok' (Education to protect tomorrow)," menurut Yang Berhormat.

YANG Berhormat Menteri Kesihatan dalam perutusan sempena Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2022.



Komitited beri perkhidmatan penjagaan Diabetes terbaik

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 November. - Rakyat dan penduduk tetap di negara ini berpeluang untuk mendapatkan akses pada sistem penjagaan kesihatan yang disediakan secara percuma oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Perkhidmatan Diabetes yang komprehensif ini, termasuk penyediaan Klinik Diabetes, Penjagaan Antenatal Diabetes, pendidikan oleh Jururawat Pendidikan Diabetes (DNE) dan pakar pemakanan, pemeriksaan tahunan mata (*retinopathy screening*), pemeriksaan dan penjagaan kaki bagi mereka yang menghidap Diabetes oleh pakar Podiatris, serta klinik pakar lain untuk menguruskhan komplikasi yang berkaitan dengan Diabetes.

Perkara tersebut, antara inti perutusan yang disampaikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar sempena Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2022.

Selain itu, tambah Yang Berhormat Menteri Kesihatan, kos ubat-ubatan dan ujian makmal juga ditanggung oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Kementerian Kesihatan juga telah menyediakan empat buah hospital kerajaan dan 15 Pusat Kesihatan kerajaan yang terletak secara strategik merentasi empat daerah yang mempunyai akses kepada penjagaan Diabetes bagi rakyat dan penduduk di negara ini," jelas Yang Berhormat.

Di samping adanya kemajuan terapi-terapi ubat (*drug therapies*) untuk merawat penyakit Diabetes, tambah Yang Berhormat, peranan pakar kesihatan dalam merawat Diabetes adalah sangat penting dan bagi pesakit yang baru didiagnos Diabetes, mereka ini akan terus diberikan temu janji bersama pakar Klinik Diabetes, Jururawat Pendidikan Diabetes dan pakar pemakanan.

Perjumpaan bersama profesional penjagaan kesihatan ini, antara lainnya menurut Yang Berhormat

adalah membantu pesakit untuk membuat pengurusan sendiri (*patient self-management*) dalam mengawal penyakit Diabetes. Selain itu, pesakit Diabetes juga akan diberikan alat-alat pendidikan (*educational tools*) untuk lebih memahami Diabetes dan pengurusannya.

Dalam aspek pembangunan kemahiran jururawat, khususnya dalam Bidang Rawatan Penjagaan Diabetes, Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengongsikan, bahawa Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Politeknik Brunei menubuhkan Sijil Diploma Tahap 5, dalam jurusan Program Sains Kesihatan bagi DNE, di mana bagi kohort pertama, seramai 18 jururawat berjaya menamatkan pengajian pada tahun ini.

Program ini diharap dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dengan amalan terbaik, dalam penjagaan Diabetes dan memastikan DNEs terlatih, dalam menyediakan pendidikan Diabetes yang komprehensif.

"Program ini akan terus dilaksanakan pada tahun depan

memandangkan Kementerian Kesihatan memerlukan lebih ramai Jururawat Pendidikan Diabetes untuk menangani peningkatan kadar Diabetes di negara ini," tambah Yang Berhormat.

Dalam usaha kerajaan untuk mengawal peningkatan penyakit Diabetes di negara ini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga mengongsikan, bahawa Kementerian Kesihatan dengan kerjasama EVYD Technologies sedang menjalankan Kajian Pengurusan Diabetes (Diabetes Management Study), yang disasarkan untuk membantu individu yang menghidap Type 2 Diabetes, dalam Penjagaan Diabetes masing-masing.

"Antara lain, objektif kajian ini adalah bagi menilai keberkesanannya kaedah-kaedah pengawalan secara digital dalam penjagaan Diabetes. Mereka yang menghidap Diabetes Jenis 2 yang tidak menggunakan terapi insulin adalah digalakkan untuk menyertai kajian ini, yang mana penyertaannya akan ditutup di penghujung bulan November ini.

"Maklumat mengenai kajian ini

boleh didapati di pusat kesihatan tertentu di seluruh negara, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan melalui media sosial Kementerian Kesihatan," jelas Yang Berhormat.

Dalam mengakhiri perutusan tersebut, Yang Berhormat menyatakan, bahawa Kementerian Kesihatan kekal komited untuk memberikan perkhidmatan dalam penjagaan Diabetes yang terbaik, seperti yang dinyatakan dalam Pelan Strategik Kementerian Kesihatan 2019-2023.

Diabetes merupakan salah satu beban yang besar pada sistem penjagaan kesihatan dan ekonomi, akibat kehilangan pendapatan, kehilangan tenaga kerja yang produktif serta kos rawatan Diabetes.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat Menteri Kesihatan ingin menyeru semua Rakyat dan Penduduk di Negara Brunei Darussalam untuk bersama-sama memainkan peranan dalam menjaga kesihatan untuk mencegah dan mengawal Diabetes, dalam usaha kita ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

6 KETUA KELUARGA TERIMA BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan Jabatan Pembangunan Masyarakat kepada enam orang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir, kebakaran rumah dan angin kencang yang berlangsung di Dewan Citra Budaya, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 November. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) mengadakan Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan JAPEM kepada enam orang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir, kebakaran rumah dan angin kencang yang berlangsung di Dewan Citra Budaya, Bangunan KKBS, hari ini.

Hadir menyampaikan bantuan

kewangan tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad kepada dua orang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir, tiga orang ketua keluarga terlibat dalam kejadian kebakaran dan seorang ketua keluarga terlibat dalam kejadian angin kencang.

Sebuah rumah di Kampung Baong Putat dan sebuah rumah di Kampung Mengkubau, Daerah Brunei dan Muara yang dimiliki oleh Awang Haji Alihan bin Haji Lamit dan Dayang Hajah Rosanani binti Haji Masri telah



dimasuki air yang melebihi paras satu kaki. Kesemua penghuni dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan di mana kejadian berlaku pada 8 Oktober 2022.

Manakala sebuah rumah milik Dayang Napisah binti Katam di Kampung Parit Baru, Daerah Temburong telah mengalami kerosakan akibat kejadian kebakaran yang berlaku pada 11 Oktober 2022 iaitu kira-kira pada jam 5.00 petang.

Dua buah rumah di Daerah Tutong juga mengalami kejadian yang sama di mana rumah Dayang Timbang@Siti Nurul 'Asyiqin binti

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Haji Timbul di Kampung Maraburong Kupang telah ranap sepenuhnya dalam kejadian kebakaran pada 31 Oktober 2022, manakala rumah Awang Idrat bin Haji Gapor di Jalan Petani, Kampung Sengkarai hanya mengalami kerosakan dalam kejadian yang berlaku pada 2 November 2022 dan tidak ada kecederaan berlaku semasa kejadian.

Pada 31 Oktober 2022, rumah yang dimiliki oleh Awang Ismail bin Hussain di Kampung Telisai,

Tutong telah berlaku kejadian atap terbang akibat angin kencang. Semua penghuni rumah dalam keadaan selamat dan tidak berlaku sebarang kecederaan.

Kesemua mangsa bencana menerima bantuan kewangan kerajaan hari ini untuk meringankan kesusahan yang dialami demi kesejahteraan mereka sekeluarga. Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemelulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.

Bantu tingkatkan stok bekalan darah negara

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 November.- Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa Tabung Darah Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, masih memerlukan darah jenis 'A' dan 'O'.

Bantuan orang ramai adalah sangat diharapkan dalam sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di hospital ini. Orang ramai yang ingin menderma darah bolehlah berkunjung terus ke Tabung Darah Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan jam 1.45 petang hingga 3.30 petang pada hari-hari bekerja sahaja.

Sehubungan itu, Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal,

Kementerian Kesihatan, akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah seperti mana yang telah dijadual dan diaturkan di mana kempen-kempen tersebut adalah dibukakan bagi penyertaan orang ramai.

Kempen Derma Darah akan diadakan pada Isnin, 14 November 2022 di Dewan Muhibbah, Jalan Muhibbah (Landasan Lama), Berakas bermula pada jam 10.00 pagi hingga 2.00 petang di mana kempen ini dianjurkan oleh Karyatif Events Management.

Seterusnya, pada Selasa, 15 November 2022, kempen tersebut akan diadakan di Lantai Bawah, DAR Takaful IBB Utama, Bandar Seri Begawan bermula pada jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang di mana kempen ini dianjurkan oleh

TARIKH & MASA	TEMPAT
Isnin, 14 November 2022 10.00 pagi hingga 2.00 petang	Dewan Muhibbah, Jalan Muhibbah (Landasan Lama), Berakas Anjuran Karyatif Events Management
Selasa, 15 November 2022 9.00 pagi hingga 3.00 petang	Lantai Bawah, DAR Takaful IBB Utama, Bandar Seri Begawan Anjuran Takaful Brunei
Khamis, 17 November 2022 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari	Perpustakaan Dewan Bahasa & Pustaka Kg Pandan, Kuala Belait

Takaful Brunei.

Kempen Derma Darah seterusnya akan diadakan pada Khamis, 17 November 2022 di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kampung Pandan, Kuala Belait bermula pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Justeru, bagi orang ramai yang ingin menderma darah mereka, tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah tersebut adalah sangat digalakkan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Pendermaan Darah

menerusi talian +673 2242424 sambungan 5745 / 6001 / 6002 atau WhatsApp +673 8775745 / +673 7375745 atau e-mel kepada bloodbank@moh.gov.bn dan ikuti Pusat Pendermaan Darah di Instagram dan Facebook, [@bloodbank.rimas](https://www.instagram.com/bloodbank.rimas).

HALUAN

Belia stakeholder dinamik

>> Muka 2

Dan kepada para ibu bapa dan penjaga, terima kasih di atas pengorbanan, doa dan sokongan yang amat tinggi nilainya kepada anak-anak biskita. Setentunya, Institusi keluarga turut memainkan peranan yang amat mustahak untuk mendorong belia-belia kita secara berterusan sehingga menjadi insan yang berkemahiran tinggi, cemerlang dan berguna kepada masyarakat dan negara. InsyaaAllah.

Akhirnya, semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa memberkati para-para graduan dan mengurniakan balasan yang setimpal dengan usaha dan pengorbanan biskita.

Sekian. Wabillahit Taufiq Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Penyertaan Ekspo Produk Tempatan 2022 dibukakan hingga 15 November

Siaran Akhbar : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 November. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta Darussalam Enterprise (DARE) akan mengadakan Ekspo Produk Tempatan 2022 sempena Brunei December Festival - BDF (Pesta Disember Brunei) Kali Ke-6 selama empat hari, bermula 1 hingga 4 Disember 2022, di Bridex Hall, Jerudong.

Ekspo Produk Tempatan ini bertujuan bagi menyediakan platform bagi pengusaha-pengusaha tempatan, dalam mempromosikan dan meluaskan lagi pasaran produk secara langsung kepada pembeli; mengetengahkan dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai produk / barang, yang dihasilkan oleh pengusaha-pengusaha tempatan; memberikan peluang kepada pengusaha untuk menjana pendapatan; serta memberi peluang untuk Network dan Business

Matching.

Sehubungan itu, tempoh penyertaan sedang dibuka kepada semua pengusaha produk tempatan yang berminat.

Borang penyertaan bolehlah diperoleh dengan memuat turun borang, di pautan bit.ly/ept_bm atau menghubungi Syarikat D'Sunlit Sdn. Bhd. menerusi talian +673 7192389.

Tarikh tutup bagi menghadapkan borang permohonan yang lengkap adalah pada 15 November 2022, jam 5.00 petang.

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi Instagram, [@localproductexpo.bn](https://www.instagram.com/localproductexpo.bn).

ANGKAT SUMPAH BAGI PEGAWAI KTK 2022

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

KAMPUNG RIMBA, Sabtu, 12 November. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) akan mengendalikan Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2022 bermula pada 14

November hingga 11 Disember 2022 di seluruh negara.

Bagi menandakan bermulanya KTK 2022, Majlis Mengangkat Sumpah bagi Pegawai-pegawai KTK 2022 yang melibatkan 74 orang Pegawai Kajian yang dilantik telah diadakan hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Setiausaha



Tetap (Fiskal I) Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dayang Hajah Norliah binti Haji Kula.

Dalam ucapan alu-aluan, Dayang Hajah Norliah menekankan akan komitmen Pegawai Kajian yang terlibat serta sokongan dan kerjasama semua keluarga yang terpilih untuk memberikan maklumat yang tepat dan lengkap bagi menjayakan kajian tersebut.

Majlis yang diadakan di Dewan Israq, Institut Perkhidmatan Awam, Kampung Rimba itu bertujuan untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai saiz, struktur,

SETIAUSAHA Tetap (Fiskal I) Kementerian Kewangan dan Ekonomi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Mengangkat Sumpah bagi Pegawai-pegawai KTK 2022 yang melibatkan 74 orang Pegawai Kajian yang dilantik (kiri, bawah kiri dan bawah kanan).



taburan dan ciri-ciri tenaga kerja malah pekerjaan, pengangguran dan lain-lain ciri ekonomi penduduk yang akan dalam membantu perancangan, penyelidikan, penyediaan dasar dan seterusnya pengurusan tenaga kerja.

Hasil KTK 2022 ini akan membantu perancangan, penyelidikan dan penyediaan dasar serta pengurusan tenaga kerja berdasarkan fakta bagi keperluan perancangan sosioekonomi negara serta kegunaan sektor swasta, academia, penyelidik, penuntut dan juga orang rama.

Kajian ini akan melibatkan kira-kira 3,200 buah keluarga terpilih di seluruh negara di mana temuduga akan dilaksanakan menggunakan kaedah Computer Assisted Personal Interview (CAPI) di mana pegawai kajian akan menggunakan tablet bagi menjalankan temu duga bersempua dengan keluarga-

keluarga yang terpilih.

Setiap Pegawai Kajian yang dilantik telah mengangkat sumpah bagi mewajibkan kerahsiaan semua maklumat yang dikumpulkan menurut Akta Perangkaan, Penggal 81 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

Keluarga terpilih adalah diingatkan supaya memastikan penemu duga yang datang membuat lawatan adalah pegawai kajian yang telah dilantik melalui pas kajian, surat lantikan dan kad pengenalan mereka serta 'vest' rasmi JPES.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Fiskal II) Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dayang Suraya binti Haji Jaidin dan Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri) Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Mohammad Harris bin Brigadier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim.

Platform komuniti dalam pembelajaran profesional

Oleh : Dk. Vivy Maessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Sabtu, 12 November. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidik mengadakan Sesi Dialog Ketua-ketua Jabatan Kementerian Pendidikan bersama Pemimpin-pemimpin Sekolah bersempena dengan Majlis Konvensyen Pemimpin Sekolah Ke-5, Tahun 2023 yang berlangsung selama dua hari dan bermula hari ini dan seterusnya pada 14 November secara maya.

Seramai 340 pemimpin Sekolah Rendah, Menengah, Maktab dan Pusat Tingkatan Enam Kerajaan dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir ke Sesi Dialog hari ini yang diadakan di Dewan Persidangan BRIDEX, di sini.

Sesi Dialog ini merupakan acara pendahuluan (*prelude*) bagi Majlis Konvensyen Pemimpin Sekolah Ke-5 yang dijangka berlangsung pada bulan Mac 2023 dan adalah kesinambungan dari Majlis Konvensyen Pemimpin Sekolah yang telah diadakan pada Julai 2022 yang lalu.



ANTARA yang hadir pada Sesi Dialog berkenaan.

Tema bagi Sesi Dialog ini dan Majlis Konvensyen Pemimpin Sekolah bagi Tahun 2023 ialah 'Pemimpin Berkualiti, Pendidikan Berkualiti' dengan fokus kepada penilaian sebagai sub tema.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin. Dalam ucapan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati antara lain berharap konvensyen tersebut akan terus berfungsi sebagai platform komuniti pembelajaran profesional untuk pemimpin sekolah dan pemimpin sistem belajar, menyambung semula dan membina komuniti pemimpin sebagai pelajar yang memupuk keterangkuman dan responsif dalam Kementerian Pendidikan.

Sementara itu, dalam ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Pengurusan Pendidik, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah selaku Pengerusi pula antara lain menyatakan bahawa konvensyen berkenaan menunjukkan usaha konsisten

Kementerian Pendidikan untuk mencapai aspirasi negara dalam Wawasan Brunei 2035.

Aspirasi dalam menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang diiktiraf secara meluas untuk pencapaian warganegaranya yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran tinggi yang diukur dengan tahap tertinggi serta mengikut piawaian antarabangsa, kualiti hidup yang merupakan antara 10 negara teratas di dunia dan ekonomi yang dinamik serta mampan.

Acara tersebut juga diisikan dengan Ceramah Kepimpinan Dalam Islam, 'Kepimpinan Islam Melalui Teladan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa dan Pensyarah di Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Mohammad Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yusof.

Majlis diikuti lagi dengan bengkel bagi semua pemimpin sekolah bertajuk 'Learning Assessment Framework' yang diketuai oleh Pemangku Pengarah Peperiksaan, Awang Shahrizal bin Haji Emran.

Di dalam bengkel ini, para pemimpin sekolah terlibat dalam beberapa aktiviti untuk sama-sama membincangkan dan memberi sumbangan perspektif bagi membentuk garis panduan penilaian di sekolah yang berguna dan berkesan.

Perisian Sesi Dialog pada hari kedua, Isnin, 14 November 2022 melibatkan beberapa perkara iaitu Dialog Ketua-ketua Jabatan Kementerian Pendidikan bersama Pemimpin-pemimpin Sekolah yang disampaikan oleh Ketua Unit SEPaDU (Strategic Enterprise Performance Delivery Unit),



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Sesi Dialog Ketua-ketua Jabatan Kementerian Pendidikan bersama Pemimpin-pemimpin Sekolah bersempena dengan Majlis Konvensyen Pemimpin Sekolah Ke-5, Tahun 2023.

Awang Wan Abdul Rahman bin Wan Ibrahim.

Kemudian, Digital Citizenship in Education yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awang Ali Hamdani bin Haji Mohd Diah dan Blended Learning yang disampaikan oleh Pegawai di Pusat Teknologi Pendidikan, Awang Abdul Walid bin Haji Misli.

Sesi akan diakhiri dengan perkongsian resolusi iaitu hasil daripada Bengkel Assessment Framework yang disampaikan oleh Pemangku Yang Di-Pertua Majlis Pemimpin Sekolah Brunei Darussalam, Awang Mohammad bin Haji Suhaili.

Seterusnya diikuti dengan ucapan penutup yang disampaikan oleh Ketua Unit Kepimpinan Sekolah, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kerjaya, Jabatan Pengurusan Pendidik, Pengiran Haji Mashayu binti Pengiran Haji Yusof selaku Ketua Sekretariat Majlis Konvensyen Pemimpin Sekolah.



PEMANGKU Pengarah Pengurusan Pendidik, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah ketika memberikan ucapan.

سرداب سوچي

منجاك كبرسيهنه دان عالم سكير

جماعه يغ در حجي الله،

بولن نووغير ٢٠٢٢ اداله مروفاكن بولن سبتوتن جوبلي امس ٥ تاهون فنيوهن جابين فرائجع بندر دان ديسا، يغ توروت دسلاجوركن دعن سبتوتن هاري فرائجعن بندر سدنيا يغ لازين ديمبوت قد سيف بولن نووغير سيف تاهون.

تيماسبتوتن جوبلي امس قد تاهون اين اداله "مپوسوري ٥ تاهون فرائجعن بندر دان ديسا: فنھقاین، جابين دان ماس دفن." جابين فرائجع بندر دان ديسا بوکن سهاج برفران منجع كونا تاهن اكن تنافي جوك برفران انوق موجودون فمياغونون فيزيل سرت فرسكيرتن ستياس مهن دان برداي تاهن. فرائجعن فمياغونون نكارا دام كادان كوندوسيف دان سلامه سفاري کماجوان ثفق مناريق دان برسیستماتيق.

باکي موجودون فرسكيرتان کماجوان يغ مهن دان برداي تاهن، فران جابين فرائجع بندر دان ديسا اداله انوق مامستيكن فعکونان تاهن يغ اوقيم سرت پلارسن کماجوان اداله تراثور، برانتڪاسي سرت سالیع ملغكتي ملالوي فريته فرائجعن بندر دان ديسا سرت فياوان دان فراطورن کماجوان يغ فرلو دفاتوهي دام ميلارس ساتو ساتو کماجوان.

آخر، سام-سامله کيت منجاك كبرسيهنه دان عالم سكير دام کهيدوفن کيت سهارين سام اد كبرسيهنه دنتوت عوام، تمهة ٢ فرسيدرين ماھوونون كبرسيهنه جيوا دان روحاني. موده-مودهن دعن معمملنون كبرسيهنه دام کهيدوفن کيت، نكارا بروني دارالسلام اكن منجادي سواه نكارا يغ إينده، برسيهه دان بيس دري سبارغ فباکيت دان مارا بهيا.

سام-سامله کيت بردفاء سموك الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ستياس منجاديکن کيت اورغ ٢ يغ ستياس برتوية، منسوجيکن ديري دان منجاديکن کيت همبان يغ ستياس مغراجاکن عمل صالح دان برکاچيکن. آمين يا رب العالمين.

تفسير:

سبتوکونن برجالله اورغ يغ منسوجيکن جوان. دان سبتوکونن روکيله اورغ يغ مغوتورون. {سورة الشمس آية ١٠-٩}

بارك الله لنا في القرآن العظيم، وَقَعْدَنَا بِالْأَيَّاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَنَا بِالْأَوَّلَةِ إِنَّهُ هُوَ الْمُسَبِّحُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَلَّمَ الرَّسُولُ الْمُسْلِمُونَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَإِسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا لَهَّا التَّائِبِينَ.

سبتوکونن کيت اداله برتعکو غجوتاب انوق منجاديکن تمهة ٢ عبادة

سفرت مسجد، سوراو دان بالي عبادة ستياس دام كادان برسيه. يکتو جوك دعن سکل کموداهن عوام يغ دسدياکن اوله کراجان سفرت تندس او بيلق ابر.

سلامين إيت تمهة ٢ فراغين، تمهة ٢ رياضه، ساليران ٢، سوغى ٢ دان لابن ٢

هندقله دجاجك مساي ستياس دام کادان يغ بايك، کلبهان برسيه دان تيدق

قول دروسقونکن اوله سیکفت فوکوت، فغونور دان تيدق برتعکو غجوتاب.

سیکفت او تو کیاسان ممواڠ سمهه سيار عن سفرت تمهة ٢ عوام، دسوڠي ٢ او تو

دنئي ٢ جالن ترماسوڠ ملوغکونکن بارغ ٢ ترافاکي بوکن ساج مرومسقونکن

کایندهن دان ملغکونکن کنترامن عوام ماله منیمبولکن برماجم بهيا دان کسن

بوروق کفڈ کصيبحن، کسلامن دان فمحارن عالم سكير.

جماعه يغ در حجي الله،

برتفوى له کيت كحضره الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دعن سبتر-بر تقوى ييات دعن

منيغکونکن کلبهان کفڈان. سبتوکونن اورغ يغ فالیع مليا دسمسي الله

سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت اياله اورغ يغ فالیع برتفوى. ملدهماهنه کيت منجادي إنسان

يغ ستياس مغایعي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، بر أوله کجيان دان کسلامن ددنيا دان

جوك دأخيره.

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دام سورة البقرة آية ٢٢٢:

تفسير:

سبتوکونن الله معاشهي اورغ ٢ يغ بايق برتوية دان معاشهي اورغ يغ ستياس منسوجيکن ديري.

جماعه يغ در حجي الله،

اکام إسلام اداله اکام شول يغ مرغکرمي سوا اسقیک کهيدوفن

ترماسوڠه دام منجاك كبرسيهنه. منجاك كبرسيهنه داله سسوات يغ دسوکاي

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان رسول. دام اکام إسلام، أحجار تنفع کبرسيهنه برکایت

برباکي حال انتارا لابن: کبرسيهنه روحاني، کبرسيهنه جسماني، کبرسيهنه

فكاین، کبرسيهنه تمهة دان کبرسيهنه عالم سكير. فرکارا اين تيدق بوله

دفیسهکن کران کبرسيهنه إيت ملمبعکن کنکرهن لیمان سستورغ إيت

ترهادف الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. درقد أبو مالك الأشعري رجھلته برکات، رسول الله

صلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بررسيدا:

مقصودون:

کبرسيهنه إيت سبهاكين درقد إيمان. {حديث رواية إمام مسلم}

باتش فتبیعن کبرسيهنه إيت سهیعکاکن رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

معاومقماکن کبرسيهنه إيت سماکي کونجي سهیع. دام حدیث يغ دروايکن

اوله إمام ترمذی، درقد علي بن أبو طالب رجھلته، رسول الله

صلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بررسيدا:

مقصودون:

کونجي سهیع اداله سوجه.

جماعه يغ در حجي الله،

اکام کيت ملغکونکن اومتن سقاي ستياس معمملنون کبرسيهنه دام

سوا فرکارا يغ ملېتکن ديري سنديري، کلوارك، مشاركة دان نكارا. اين

کران کبرسيهنه إيت بوله مندانغکن سواسان يغ تفع، کصيبحن يغ ترجامين دان

کسجهتاز کفڈ کيت سوا.

منجاك کبرسيهنه إيت هندقله دجاجديکن سماکي بوديا دام کهيدوفن

کيت سام اد کبرسيهنه ديري سنديري، کلوارك، مسجد، تمهة ٢ عوام دان

تمهه ماکن سفتر رسوتون ٢ دان ساومقمان.

SUDUT BACAAN : PUPUK BUDAYA MEMBACA MASYARAKAT



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada Majlis Perasmian Sudut Bacaan Eat's Hot berkenaan (kiri dan kanan).

mengungkayahkan pelbagai acara dan kegiatan yang menjurus ke arah meningkatkan budaya membaca kepada segenap golongan masyarakat demi untuk melahirkan generasi modal insan kelas pertama terutama sekali dalam kalangan tunas bangsa, belia, remaja dan muda-mudi yang akan menjadi pewaris dan penghala tuju negara pada masa akan datang.

Eat's Hot merupakan sebuah restoran yang menyajikan makanan yang berkualiti dengan sos pedas yang dihasilkan sendiri.

Restoran berkenaan diasaskan oleh Dayang Ida Nurhafiza binti Haji Matnoor sejak tahun 2013 dan sebelum ini hanya bermiaga di rumah sahaja secara dalam talian.

DBP amat mengalui-alukan sesiapa sahaja untuk mewujudkan Sudut Bacaan di premis masing-masing dan seterusnya bolehlah menghubungi melalui talian +673 2235501, e-mel : perpustakaan_bsb.dbp.gov.bn



atau IG [perpustakaan_dbp_sb](#) bagi yang berhasrat untuk mewujudkan Sudut Bacaan.

Turut hadir, Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

■ **PENUBUHAN** lebih banyak Sudut Bacaan berkenaan secara tidak langsung memupuk budaya membaca dalam kalangan masyarakat tanpa mengira peringkat umur.

DBP tidak kendur-kendur dan akan sentiasa berusaha dalam mengungkayahkan pelbagai acara dan kegiatan yang

menjurus ke arah meningkatkan budaya membaca kepada segenap golongan masyarakat demi untuk melahirkan generasi modal insan kelas pertama terutama sekali dalam kalangan tunas bangsa, belia, remaja dan muda-mudi yang akan menjadi pewaris dan penghala tuju negara pada masa akan datang.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 November. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perpustakaan telah menambah lagi satu Sudut Bacaan khusus untuk para pelanggan yang datang ke Restoran Eat's Hot, Delima Satu.

Majlis Perasmian Sudut Bacaan Eat's Hot berkenaan disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd.

Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Inisiatif berkenaan merupakan Pendekatan Senegara (Whole of Nation) KKBS melalui DBP bersama dengan rakan strategik.

Penubuhan lebih banyak Sudut Bacaan berkenaan secara tidak langsung memupuk budaya membaca dalam kalangan masyarakat tanpa mengira peringkat umur.

DBP tidak kendur-kendur dan akan sentiasa berusaha dalam mengungkayahkan pelbagai acara dan kegiatan yang

Zulhelmi Junaini juara Bintang Harmoni 2022



SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang dan peserta pada pertandingan yang berlangsung di Jerudong Park Amphitheatre.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Sabtu, 12 November. - Zulhelmi Junaini menjuarai Pertandingan Akhir Bintang Harmoni 2022 sekali gus diumumkan sebagai pemenang Persembahan Terbaik.

Juara membawa pulang wang tunai BND2,000, sijil dan trofi serta membawa pulang hadiah bagi Persembahan Terbaik berupa wang tunai BND500.

Naib juara disandang oleh Helmi Mohammad yang membawa pulang wang tunai BND1,500, sijil serta trofi. Tempat ketiga ialah Dorra Johara dengan membawa pulang wang tunai BND1,000, sijil serta trofi.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang dan peserta pada pertandingan yang berlangsung di Jerudong Park Amphitheatre di sini ialah Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Juga hadir, Pemangku Pengarah Radio Televisyen Brunei (RTB), Awang Haji Azman bin Haji Abdul Rahim serta pegawai-pegawai kanan kerajaan dan orang ramai. Pada tahun ini, seramai 119 penyertaan dari keempat-empat

daerah telah diterima. Daripada jumlah tersebut, 16 peserta berjaya mara ke peringkat separuh akhir yang kemudiannya menyaksikan seramai 10 peserta sahaja terpilih bertanding pada peringkat akhir.

Pertandingan anjuran Jabatan RTB merupakan salah satu daripada usaha-usaha berterusan RTB untuk mendukung industri seni tanah air dan mengangkat bakat-bakat tempatan.

RTB merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada syarikat-syarikat penaja terdiri daripada Awinco Sdn. Bhd. - Jaquer World Brunei; Restoran Raziqin; Radisson Hotel Brunei Darussalam; Syarikat Khadeejah Towards Modesty dan Saycheese Event Management.



Kementerian Kesihatan
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Suntikan VAKSIN COVID-19 diberikan secara PERCUMA kepada semua rakyat dan penduduk yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam



www.moh.gov.bn | 148

PENGUNDIAN CALON KETUA KAMPUNG

PULAI, Ahad, 13 November. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung di Daerah Brunei dan Muara (DBM) telah diadakan secara serentak di beberapa buah lokasi, hari ini.

Sehubungan itu, bagi Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung bagi Kampung Pancha Delima dan Orang Kaya

Besar Imas, Mukim Berakas 'A' diadakan di Dewan Sekolah Rendah Pulaie, di sini.

Manakala pengundian bagi menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah bermula pada 11 November 2022. Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat.

Majlis kemudiannya diteruskan

lagi dengan ucapan daripada Pemangku Pegawai DBM, Haji Amirul Hafidzin bin Haji Mohammad selaku Pengurus Majlis.

Calon-calon yang layak bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung Kampung Pancha Delima dan Orang Kaya Besar Imas ialah calon pertama, Awang Hamdan bin Haji Dollah / Haji Abdullah, berusia 58 tahun dan beliau sebelum ini pernah berkhidmat di Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Manakala calon kedua, Awang Omar bin Haji Dollah, berusia 58 tahun dan pernah berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei selama 20 tahun.

Seramai 301 penduduk kampung yang berdaftar dan layak mengundi telah mengundi calon untuk mengisikan kekosongan jawatan Ketua Kampung Pancha Delima dan Orang Kaya Besar Imas, Mukim Berakas 'A'.

Secara umumnya, pengundian dan pemilihan calon ketua kampung tersebut menyaksikan sebanyak 244 undi telah bersetuju manakala 57 undi tidak bersetuju.

Keputusan Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua



SEKITAR Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung bagi Kampung Pancha Delima dan Orang Kaya Besar Imas, Mukim Berakas 'A' diadakan di Dewan Sekolah Rendah Pulaie (kiri dan atas).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Kampung Pancha Delima dan Orang Kaya Besar Imas Mukim Berakas 'A' akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan

Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.



ANTARA yang hadir pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Tungku dan Katok, Mukim Gadong 'A', yang diadakan di Sekolah Rendah Tungku (atas dan bawah kiri).

197 undi, satu undi tidak setuju dan satu undi rosak.

Hasil keputusan keseluruhan pengundian yang diperoleh pada hari ini akan dibawa ke Lembaga

Perjawatan, Disiplin, Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses-proses selanjutnya.

JPD perkenal ciri baharu, 1-Week Bid

Siaran Akhbar : Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 November. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi telah memperkenalkan ciri terbaharu dalam platform NomborKu iaitu 1-Week Bid.

Ciri tersebut memberi peluang kepada orang ramai selama satu minggu untuk mengikuti tawaran tertutup Tanda Pengenalan Kenderaan (TPK) yang tidak mempunyai peneder semasa dibukakan melalui Click-and-Bid secara dalam talian.

Ini adalah salah satu inisiatif JPD ke arah transformasi digital selaras dengan Objektif Strategik 1 : Transformasi Digital di bawah Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) 2025.

Dimaklumkan bahawa 1-Week Bid ini akan mula dilaksanakan bagi TPK tiga dan empat angka siri BBC mulai dari 14 November hingga 20 November 2022.

Bagi orang ramai yang berminat untuk mengikuti tawaran tertutup melalui 1-Week Bid, e-mel yang aktif dan pembayaran menggunakan kad debit atau kad kredit untuk membuat pembayaran caj perkhidmatan sebanyak BND25 adalah diperlukan.

Seterusnya, resit pembayaran dan juga pengesahan bagi mengikuti tawaran tersebut akan dimaklumkan melalui e-mel yang didaftarkan. Keterangan lanjut mengenai tawaran tertutup dan ciri 1-Week Bid, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang 'www.nomborku.gov.bn'.

Bagi sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi JPD semasa waktu pejabat melalui talian +673 2451990 / 91 atau WhatsApp +673 7181641, Talian Darussalam 123, atau e-mel ke info_ltd@jpd.gov.bn.

Orang ramai boleh juga melayari laman sesawang www.jpd.gov.bn dan Instagram @jpd.bn bagi maklumat lanjut.

Terajui perpaduan, keharmonian kampung

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

GADONG, Ahad, 13 November. - Aplikasi mudah-alih e-Undi PMKK adalah satu alternatif tambahan pada kaedah pengundian dan pemilihan calon Penghulu Mukim atau Ketua Kampung yang sedia ada, selain bertujuan memberikan peluang kepada penduduk kampung, yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berumur tidak kurang 18 tahun, untuk ikut serta mengambil bahagian serta melaksanakan tanggungjawab, bagi menentukan pemimpin di peringkat akar umbi di mukim dan kampung masing-masing.

Perkara tersebut digariskan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Khairul Sirajul Fikri bin Haji Jamaluddin selaku Pengurus Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Tungku dan Katok semasa menyampaikan ucapan, di Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Tungku dan Katok, Mukim Gadong 'A', yang diadakan di Sekolah Rendah Tungku, di sini.

Menurutnya, seorang Penghulu

Mukim adalah bertanggungjawab bagi menerajui perpaduan, keharmonian, kemakmuran dan kesejahteraan hidup bermasyarakat di sebuah mukim serta penggerak pada pembaharuan, pembangunan dan perkembangan sosioekonomi masyarakat mukim dan kampung.

"Menjadi contoh teladan kepada masyarakat mukim serta sebagai perantara dua hala Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan penduduk atau masyarakat kampung sebagai mata, telinga, kaki dan tangan juga bertindak sebagai peneraju, bagi mengukuhkan, memantapkan, mempertahankan dan mengelakkan sistem pemerintahan bernegara, di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Seorang Penghulu Mukim mestilah bekerjasama rapat dengan Ketua-ketua kampung dalam mukimnya dan mukim sekitarnya, dalam membangun dan memeduli kesejahteraan, keamanan, keselamatan, keharmonian dan perpaduan masyarakat dengan sikap pemelulian serta prihatin yang

sewajarnya kepada hal ehwal suka duka penduduk mukim," tegasnya.

Selain mempunyai sifat bertanggungjawab, katanya, sentiasa memelihara perpaduan serta keharmonian masyarakat, di samping mencegah unsur-unsur perpecahan dengan mengadakan perundingan atau permuzakarahan demi permuafakatan penduduk mukim.

Perlu diingat, tambahnya, Ketua Kampung mempunyai tanggungjawab yang besar dan memegang amanah, bukan saja amanah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, bahkan juga amanah penduduk-penduduk kampung yang akan ditadbir nanti.

Calon-calon yang dibawa ke majlis pengundian dan pemilihan bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung Tungku dan Katok, Mukim Gadong 'A' ialah Awang Haji Zakaria bin Haji Liman, 47 tahun dan bermastautin di kampung berkenaan sejak lahir.

Beliau memperoleh kelulusan 3 'O' dalam Peperiksaan GCE 'O' Level, pada tahun 1997 dan pada ketika ini, beliau bertugas di Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Sementara itu, calon kedua pula ialah Awang Ahmad Khairi bin Haji Hassan, 45 tahun dan bermastautin di kampung berkenaan sejak lahir.

Beliau memperoleh kelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (S.T.P.U.B) dari Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, pada tahun 1997 dan pada masa ini, beliau bertugas di Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai Pembantu Perkembangan Ugama.

Keputusan undian bagi calon-calon ialah Awang Haji Zakaria sebanyak 140 undi; dan Awang Ahmad Khairi sebanyak



TINGKAT KEMAHIRAN SENI MEMBACA AL-QURAN



PEMANGKU Penolong Pengarah (Profesional) Pengajian Islam, Pengiran Abdul Razak bin Pengiran Haji Metahir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para peserta (atas dan kanan).

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Sabtu, 12 November. - Dalam usaha memupuk budaya seni membaca Al-Quran, Jabatan Pengajian Islam (JPI) melalui Bahagian Kokurikulum mengadakan Peraduan Membaca Al-Quran sempena Sambutan Hari

Guru 2022.

Penyertaan peraduan tersebut dibukakan kepada pegawai-pegawai dan guru-guru di bawah JPI.

Sehubungan itu, peraduan tersebut diadakan baru-baru ini di

Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah, Serusop, di sini.

Seramai 12 orang peserta terdiri dari tujuh orang qari dan lima orang qariah telah menyertai peraduan tersebut.

Johan qari disandang oleh Awang Abd. Aziz bin Haji Hamzah dengan memperoleh markah 89.5 peratus. Manakala Dayang Nur Diyanah Safwa binti Haji Muhamad Anawi dinobatkan sebagai johan qariah dengan memperoleh markah 84.5 peratus.

Peraduan ini bertujuan mengalakkan pegawai-pegawai dan guru-guru ugama agar terus meningkatkan kemahiran seni membaca Al-Quran, di samping mencungkil bakat pegawai-pegawai dan guru-guru dalam pembacaan Al-Quran untuk menjadi pelapis qari dan qariah pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Pemangku

Penolong Pengarah (Profesional) Pengajian Islam, Pengiran Abdul Razak bin Pengiran Haji

Metahir yang kemudiannya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para peserta.



Pemenang Pertandingan Video Pendek RISE ASEAN terima hadiah



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, selaku wakil Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerangan (Sub-Committee on Information - SCI) Komiti ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan (COCI) bergambar ramai bersama para pemenang Pertandingan Video Pendek RISE ASEAN (Right Information Saves and Empowers ASEAN).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

BERAKAS, Sabtu, 12 November. - Muhammad Kasyfillah Thaqif@Muhammad Zharfan bin Ahmad diumumkan pemenang tempat pertama pada Pertandingan Video Pendek RISE ASEAN (Right Information Saves and Empowers ASEAN) sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah USD1,500.

Tempat kedua diraih oleh Awang

Abdul Aziz bin Abdullah, menerima USD1,000 manakala tempat ketiga disandang oleh Awangku Ahmad Alfathullah bin Pengiran Haji Sellahuddin, menerima hadiah wang tunai USD500. Kesemua pemenang juga menerima hadiah plak, kain tenunan dan sijil.

Majlis Penyampaian Hadiah bagi pertandingan tersebut berlangsung

hari ini di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan dan disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, selaku wakil Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerangan (Sub-Committee on Information - SCI) Komiti ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan (COCI), yang juga menyampaikan cenderamata kepada hakim-hakim pertandingan.

Video pendek bertemakan 'RISE ASEAN : Counteracting the Infodemic' memaparkan bahaya berita dan maklumat palsu mengenai kesihatan dan keselamatan awam dan kepentingan maklumat yang betul dalam tindak balas ASEAN terhadap pandemik COVID-19, bagaimana ia membantu menyelamatkan nyawa dan memperkasakan penduduk di rantau ini untuk bangkit menentang kesan COVID-19.

ANTARA yang hadir pada majlis berkennaan.

Apa yang perlu saya hadapkan di dalam gambar ujian ART untuk dimuat naik dalam aplikasi Bruhealth?

کمپین کھیجت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH



Terdahulu, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim, selaku Sekretariat SCI ASEAN COCI, dalam ucapan alu-aluannya berkata, Pertandingan RISE ASEAN merupakan salah satu projek di bawah SCI ASEAN COCI di mana Filipina adalah negara penyelaras projek.

"Pertandingan ini dikendalikan oleh setiap negara anggota ASEAN dalam usaha melibatkan golongan belia iaitu khususnya *video creator* dan *content creator* yang berusia antara 18-25 tahun untuk menghasilkan video pendek berdurasi 1 minit yang memperlihatkan kesan negatif maklumat palsu dan cara mengetahui maklumat yang betul dan boleh melindungi dan memperkasa masyarakat," jelasnya.

Dalam usaha negara melangkah ke era Revolusi Perindustrian Ke-4 dan pembangunan teknologi digital yang pesat jelasnya, tidak dinafikan, negara dan masyarakat menghadapi pelbagai cabaran terutamanya dalam penyebaran maklumat.

Dengan kecanggihan dan akses ke media sosial yang begitu tinggi dan mudah, penyebaran maklumat palsu ini tambahnya semakin meningkat semasa terjadinya pandemik COVID-19, di mana pelbagai isu kesihatan dan perubatan yang tidak diketahui kesahihannya atau lebih dikenali

sebagai 'infodemic' telah tersebar dalam kalangan masyarakat umum.

Justeru, ujarnya, dalam membendung dan mencegah penyebaran maklumat palsu ini, setiap lapisan masyarakat terutamanya golongan muda harus dipersiapkan dengan pengetahuan dan kesedaran dalam memilih dan menilai maklumat yang diterima.

Muhammad Kasyfillah Thaqif@Muhammad Zharfan semasa ditemu bual tidak menduga berjaya meraih tempat pertama pada pertandingan ini, di mana ia merupakan penyertaan yang pertama kali disertai.

Menurutnya, idea video dihasil dengan perbincangan dan gabungan idea bersama adik-beradik beliau dengan mencampurkan genre komedi.

Bakal menamatkan pengajiannya dalam jurusan Kejuruteraan Elektrikal dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), belia berusia 20 tahun ini juga mengongsikan bahawa beliau juga belajar serba sedikit tentang pembuatan video dan *content* daripada rakan-rakannya dan apabila ada peluang seperti pertandingan ini, beliau tidak mensia-siakkannya hingga terpilih sebagai pemenang tempat pertama.

Turut hadir pada majlis tersebut, pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan, Sekretariat ASEAN COCI, panel hakim serta ibu bapa peserta.



LAHIRKAN PENUNGGANG MOTOSIKAL BERKUALITI, BERETIKA, BERHEMAH



SESI bergambar ramai pada 'Marshal Program - Intermediate' anjuran PEMODA (atas). Manakala gambar atas kanan dan bawah kanan, PEMODA menganjurkan 'Marshal Program - Intermediate' yang bertujuan untuk melahirkan penunggang-penunggang motosikal yang berpengetahuan dan berkemahiran serta patuh kepada peraturan-peraturan lalu lintas di Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Persatuan Motosikal Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 November. - Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) menganjurkan 'Marshal Program - Intermediate', bertujuan untuk melahirkan penunggang - penunggang motosikal yang berpengetahuan dan berkemahiran serta patuh pada peraturan-peraturan lalu lintas di Negara Brunei Darussalam, di sini.

Antara isi program yang dimuatkan di sepanjang ia dijalankan ialah Teknik

Marshal, Tatacara Menyampaikan Taklimat Keselamatan Konvoi Bermotosikal dan Latihan Praktikal Asas Keselamatan Bermotosikal.

Program disertai oleh seramai 25 Ahli PEMODA, di mana program adalah susulan dari 'Marshal Program - Beginner', yang diadakan pada September lalu.

Acara diakhiri dengan Majlis Penyampaian Lencana kepada para peserta oleh Yang Di-Pertua PEMODA, Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad.

Selain itu, program adalah bagi sama-sama mendedahkan tatacara bermotosikal, bagi melahirkan penunggang-penunggang motosikal yang berkualiti, beretika dan berhemah serta menyahut seruan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bagi mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya.

Seterusnya, 'Marshal Program - Advanced' akan diadakan pada tahun depan sebagai susulan 'Marshal Program - Intermediate', yang diadakan hari ini.



11 warga TGT Sdn. Bhd. diiktiraf Fire Marshal



ANTARA pegawai dan kakitangan dari TGT Sdn. Bhd. yang mengikuti Kursus Fire Marshal pada 7 hingga 9 November 2022 bertempat di TGT Sdn. Bhd. yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam Cawangan Operasi 'A' Jabatan Bomba dan Penyelamat (atas kiri, atas dan bawah kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 November. - Seramai 11 orang pegawai dan kakitangan dari TGT Sdn. Bhd. mengikuti Kursus Fire Marshal pada 7 hingga 9 November 2022 bertempat di TGT Sdn. Bhd. yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam Cawangan Operasi 'A' Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP).

Semasa kursus dijalankan, para peserta didedahkan mengenai pentingnya keselamatan kebakaran secara teori dan praktikal mengenai sebab dan punca berlakunya kebakaran dan

■ Siaran Akhbar dan Foto: Jabatan Bomba dan Penyelamat

mengetahui akan tindakan apabila menghadapi insiden kebakaran di tempat kerja dengan membuat latihan pengosongan bangunan secara bersistematik.

Selain itu, para peserta juga didepak dengan tatacara penggunaan alat-alat pemadam api dan selimut api dengan cara yang betul dan tatacara untuk menyelamatkan diri daripada terperangkap di dalam bangunan apabila berlakunya kebakaran.

Sehubungan itu, JBP ada

menyediakan pelbagai program seperti Kursus Life Saver 995, Kursus Fire Marshal dan Taklimat Keselamatan Kebakaran bagi meningkatkan pengetahuan mengenai pelbagai aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul penggunaan alat pemadam api.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan JBP 995 dan memberikan maklumat yang tepat.


JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / BPP / 033 / 2022

Tajuk Tawaran :
SUPPLY AND INSTALLATION OF MINI FEEDER PILLAR IN BRUNEI MUARA AREA, BRUNEI MUARA DISTRICT FOR A PERIOD OF 24 MONTHS

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 6 Disember 2022, 2.00 Petang

Harga Dokumen :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)




KEMENTERIAN PERTAHANAN

Pemberitahuan Tawaran

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2022 / DITU / TA / 06

Tarikh Mula Tawaran :
14 November 2022

Tajuk Tawaran :
Supply, Delivery, Installation, Test and Commissioning of




JABATAN KAJICUACA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Tawaran :
JKBD / 2022 / SH-10

'The Supply, Delivery, Installation And Testing Of Tilting Siphon Rainfall Recorder For The Brunei Darussalam

Meteorological Department'

Tarikh Tutup :
Rabu,
30 November 2022


JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran :
RTB / 17 / 2022

Tajuk Tawaran :
Term Contract Of Twenty-Four (24) Months Period For Operation, Routine Maintenance & Repair Work For Air-Conditioning Systems (HVAC) At Radio Television Brunei Broadcasting Complex,

Sungai Akar
Bayaran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)
Tarikh Tutup :
22 November 2022 (2.00 Petang)




KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 82 / 2022 / 2023 [DA(BPPA-NOV-2022)]

Tajuk Tawaran :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi Sekolah Rendah Dato Haji Mohd Yassin, Kg Perpindahan Mentiri, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan Kod Blok : SM/33 Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 83 / 2022 / 2023 [DA(BPPA-NOV-2022)]

Tajuk Tawaran :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Kering Bagi Sekolah Menengah Pg Jaya Negara Pg Haji Abu Bakar, Mumong, Kuala Belait, Daerah Belait, Kementerian Pendidikan Kod Blok : AK/07 Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran Tawaran :
BND30.00(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 29 November 2022 Jam 2.00 Petang




JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 139 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
PEMBELIAN RANCANGAN LUAR NEGERI GENRE: MAGAZINES (RAMADAN SPECIAL) - COOKING (REGIONAL HALAL)

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 140 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
PEMBELIAN RANCANGAN LUAR NEGERI GENRE: MAGAZINES- TRAVELOGUE / REALITY (ASIA / REGIONAL) - PLACES / ARCHITECT / STRUCTURE / HUMAN INTEREST)

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 141 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
PEMBELIAN RANCANGAN LUAR NEGERI GENRE: MAGAZINES - REALITY / FACTUAL (SPORTS)

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 142 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
PEMBELIAN RANCANGAN LUAR NEGERI GENRE: MAGAZINES - COOKING (REGIONAL HALAL)

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 143 / 22 - 23




JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 135 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
PEMBELIAN RANCANGAN LUAR NEGERI GENRE: ENGLISH BLOCKBUSTER FILM - FAMILY, INSPIRATIONAL, COMEDY, SCI-FI AND ACTION

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 136 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
PEMBELIAN RANCANGAN LUAR NEGERI GENRE: MALAY BLOCKBUSTER FILM (MALAYSIA / INDONESIA) - FAMILY, COMEDY AND INSPIRATIONAL

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 137 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
PEMBELIAN RANCANGAN LUAR NEGERI GENRE: DISNEY MOVIE

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 138 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
PEMBELIAN RANCANGAN LUAR NEGERI GENRE: COMEDY

Yuran Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy) :
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 23 November 2022, Jam 2.00 Petang





Bilangan Tawaran :
JKM / JKSH / 2022-2023 / 019

Tajuk Tawaran :
TAWARAN BAGI
PENTERJEMAHAN BAHASA
ASING (BAHASA FARSI DAN
URDU) BAGI KOLEKSI BUKU
PERPUSTAKAAN ISLAM
BRUNEI DARUSSALAM,
JABATAN MUFTI KERAJAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
JKM / JKSH / 2022-2023 / 020

Tajuk Tawaran :
TAWARAN BAGI
PENTERJEMAHAN BAHASA

ASING (BAHASA THAILAND)
BAGI KOLEKSI BUKU
PERPUSTAKAAN ISLAM
BRUNEI DARUSSALAM,
JABATAN MUFTI KERAJAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
JKM / JKSH / 2022-2023 / 021

Tajuk Tawaran :
TAWARAN BAGI
PENTERJEMAHAN BAHASA
ASING (BAHASA CINA) BAGI
KOLEKSI BUKU
PERPUSTAKAAN ISLAM
BRUNEI DARUSSALAM,
JABATAN MUFTI KERAJAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
JKM / JKSH / 2022-2023 / 022

Tajuk Tawaran :
TAWARAN BAGI
PENTERJEMAHAN BAHASA

ASING (BAHASA PERANCIS)
BAGI KOLEKSI BUKU
PERPUSTAKAAN ISLAM
BRUNEI DARUSSALAM,
JABATAN MUFTI KERAJAAN,
JABATAN PERDANA MENTERI

Tarikh Tutup :
Selasa, 27 Rabiulakhir 1444H /
22 November 2022M
Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang



TAWARAN

Bilangan Tawaran :
KK / 287 / 2022 / LAB(TC)

Tajuk Tawaran :
To Supply And Deliver Of G6PD
Qualitative Screening Kits for
National Clinical Chemistry
Reference Laboratory,
Department Of Laboratory
Services, Ministry Of Health
For A Period Of
Three (3) Years Usage

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 289 / 2022 /
ESTETMOH(TC)

Tajuk Tawaran :
The Provision of
Comprehensive Maintenance
Services For Lifts At
Department of Scientific
Services for a Period of
Five (5) Years

Kelayakan Pemborong /
Pembekal :
Berdaftar dengan
Kementerian Kesihatan
dan
Kementerian Pembangunan

Kelas :
II dan Keatas

Kategori :
KPME02

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
KK / 290 / 2022 / JPR (TC)

Tajuk Tawaran :
The Provision of Laundry

Services for Rimba Dialysis
Centre and Kiarong Dialysis
Centre, Department of Renal
Services for a Period of
Three (3) years

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
22 November 2022,
Jam 2.00 Petang



IKLAN

Tawaran Untuk Berniaga Di
Pondok Jualan
Di Pusat Pasaran,
Pusat Urusniaga Hortikultur
Rimba, Gadong

Bilangan :
10 / 2022 dan 11 / 2022

TAWARAN bagi mempelawa
pengusaha-pengusaha untuk
menghadapkan permohonan
bagi menyewa di Pondok
Jualan seperti berikut :

Lokasi :
Pusat Pasaran,
Pusat Urusniaga Hortikultur
Rimba, Gadong,
Daerah Brunei dan Muara.

Keterangan Pondok :
B14 dan B16

Syarat :
Bagi menjalankan

kegiatan penjualan tanaman
hiasan, semaihan serta
barang-barang input pertanian
yang berkaitan

Tempoh Iklan :
2 minggu

Tarikh Mula Pembelian Borang :

Rabu,
9 November 2022

Tarikh Akhir
Pembelian Borang :
Rabu,
23 November 2022

Tarikh Akhir Menghantar :
Khamis, 8 Disember 2022
sebelum jam 3.00 Petang

Harga Penjualan Borang :
BND1.00 / borang



Bilangan Sebut Harga :
01 / 2022 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
The Supply And Delivery Of
Colour Laserjet A3 Printer For
Department Of Town And
Country Planning,
Ministry Of Development

Bilangan Sebut Harga :
02 / 2022 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
The Supply And Delivery Of GIS
3D Analyst And Arcgis Pro For
Department Of Town And
Country Planning,
Ministry Of Development

Tarikh Tutup :
Selasa, 15 November 2022,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



Salinan Kertas (Hardcopy) :

BND5.00
(Jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 23 November 2022,
Jam 2.00 Petang



Kategori :
KPME05, E01 & E05

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Isnin,
26 November 2022,
Jam 12.00
Tengah Hari



Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 150 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION AND
COMMISSIONING OF
AUTOMATIC AUDIO LOUDNESS
CONTROL FOR PLAYOUT
AUTOMATION

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga :
SPA / BPK / 08 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
TAWARAN CADANGAN DAN
SEBUT HARGA BAGI
PEMERIKSAAN, PEMBAIKAN
DAN PEMELIHARAAN SISTEM
KESELAMATAN KEBAKARAN
DI BANGUNAN SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM

Kelas :
I & II

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2)
minggu sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca juga menggunakan Microsoft
Word dengan Font ARIAL saiz 12.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan
apa-apa keperluan iklan berkenaan,
seperti tarikh dijangka terbit,
kekerapan terbitan untuk diiklankan
dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :



E-MEL :

iklan.pbe@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBungi :
+673 8622969

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.


Pemberitahuan Iklan Tawaran

Bilangan Tawaran :
(1) JBS / ADM / TDR / 03 / 2022

Tajuk Tawaran :
SUPPLY AND DELIVERY OF
GRANULAR NISSO-CHLON 65%
CALCIUM HYPOCHLORIDE
(65% DRY CHLORINE)
OR EQUIVALENT FOR
JABATAN BELIA DAN
SUKN SWIMMING POOL
COMPLEXES CONTRACT

PERIOD OF ONE (1)
YEAR, MINISTRY OF
CULTURE YOUTH AND
SPORTS,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Bayaran Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
29 November 2022,
Jam 2.00 Petang

Bayaran Yuran Tawaran :
(1) JBS / ADM / TDR / 04 / 2022

Tajuk Tawaran :
PENYEWAAN
KAFETERIA DI PUSAT BELIA,
BANDAR SERI BEGAWAN
BAGI TEMPOH LIMA (5)

TAHUN SECARA BERKONTRAK

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa 13 Disember 2022,
Jam 2.00 Petang



جایزه کاجی جوایجا روئی دارالسلامان

BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Bilangan Tawaran :
JKBD / 2022 / SH-08

'THE REFURBISHMENT OF
HYDROGEN SHED BUILDING
AT METEOROLOGICAL
STATION,
BRUNEI DARUSSALAM
METEOROLOGICAL
DEPARTMENT'

Tarikh Tutup :
Rabu, 23 November 2022


**PEMBERITAHUAN SEBUT
HARGA**

Bilangan Sebut Harga :
MOFE / Q / 2022-4

Tajuk Sebut Harga :
Term Contract 36 Months For
Rodents, Ants And
Cockroaches Control At
Ministry Of Finance And
Economy Building,
Commonwealth Drive,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Sabtu,
19 November 2022.



JABATAN PENGAIJIAN ISLAM,
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA

TAWARAN RANCANGAN
PEMAKANAN SEKOLAH ARAB
DAN ASRAMA
[BAHAGIAN PENYAJIAN
MAKANAN DAN MINUMAN
SECARA BERHIDANG DAN
BERTAPAU]

Bilangan Tawaran :
KHEU / JPI / PMM / SA
TEMBURONG / 07

Nama Sekolah :
Sekolah Arab Temburong,
Daerah Temburong

Bayaran Dokumen :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Borang Tawaran :**
Isnin, 11 Jamadilawal 1444H /
5 Disember 2022M

Tarikh Akhir Menghantar :
Selasa, 12 Jamadilawal 1444H /
6 Disember 2022M
Sebelum jam 2.00 Petang



Bahagian Khidmat Bakti Negara
[BKBN]
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Sebut Harga



DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DI DALAM

Kelas :
III & IV sahaja

Kategori :KA01

Bilangan Tawaran :
JKR / DOR / BBA 01 / 2022

Nama Projek :
Pembinaan Jejantas
Pejalau Kaki di
Bukit Teraja,
Daerah Belait,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND100.00

(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran :**
26 Oktober 2022

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Tidak lewat
Selasa,
29 November 2022,
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 20 Disember 2022,
Jam 2.00 Petang


PEMBERITAHUAN TAWARAN

Bilangan Tawaran :
JBT / S / 14 / 2022-2023

Tajuk Tawaran :
PENGURUSAN DAN
PENGENDALIAN ACARA
TUTONG BUZZ PEKAN
TUTONG

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
15 November 2022,
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga :
11 / OKTOBER / KKBS / BKBN /
1.40 / 22 (R)

Tajuk Sebut Harga :
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun
Bagi Pembekalan Dan
Perkhidmatan Menjahit Baju
Kurong Program Khidmat Bakti
Negara (PKBN)

Tarikh Tutup :
Khamis,
17 November 2022



Tidak lewat jam
2.00 Petang



Bilangan Tawaran :
JKBD / 2022 / SH-08

'THE REFURBISHMENT OF
HYDROGEN SHED BUILDING
AT METEOROLOGICAL
STATION,
BRUNEI DARUSSALAM
METEOROLOGICAL
DEPARTMENT'

Tarikh Tutup :
Rabu, 23 November 2022



SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN.

3.Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / SH / 13 /
2021-2023

Tajuk Sebut Harga :
REPLACEMENT OF
PROJECTOR LAMP MINISTRY
OF PRIMARY RESOURCES AND
TOURISM.

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 17 November 2022
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu
Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)



Bahagian Khidmat Bakti Negara
[BKBN]
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
10 / OKTOBER / KKBS / BKBN /
1.40 / 22 (R)

Tajuk Sebut Harga :
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun



Bagi Pembekalan Dan
Perkhidmatan Menjahit Baju
Cara Melayu Program Khidmat
Bakti Negara (PKBN)

Tarikh Tutup :
Khamis, 17 November 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

IMBASAN MINGGUAN

SEBAHAGIAN daripada peserta yang menyertai Pesta Konvo sempena Majlis Konvokesyen IBTE Ke-30. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



AKSI perlawanan Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) menentang Timor Leste dalam saingan kelayakan AFF Mitsubishi Electric Cup 2022 (AMEC 2022) bagi pusingan pertama, berkesudahan 6 - 2, di mana pasukan negara berjaya memenangi perlawanan. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



SEORANG kanak-kanak Prasekolah yang bakal memulakan persekolahan pada tahun 2023 yang mengikuti Program Orientasi bagi Kanak-kanak Prasekolah yang berlangsung di sekolah. - Foto : Hamzah Mohidin.

AKSI pemain pada Kejohanan Badminton Berpasukan Super Smasher 2022. - Foto : Ihsan Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam.

SEBAHAGIAN peserta yang menyertai acara Riadah Amal HPA. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

125 MANTAN PEGAWAI, KAKITANGAN JPA BERTEMU KEMBALI

SEKITAR Majlis Pertemuan Semula Mantan Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan Awam yang berlangsung di Mangrove Paradise Resort, Jalan Kota Batu (kanan dan bawah kanan).



KOTA BATU, Sabtu, 12 November.

- Seramai lebih 125 orang mantan pegawai dan kakitangan yang bersara dan bertukar ke jabatan kerajaan / swasta dari Jabatan Penerangan Awam (JPA) bertemu kembali (*reunion*) pada Majlis Pertemuan Semula Mantan Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan Awam yang berlangsung petang tadi di Mangrove Paradise Resort, Jalan Kota Batu, di sini.

Hadir pada majlis berkenaan, mantan Pengarah Penerangan Awam, Dato Paduka Awang Job Lim.

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Atur cara dimulakan dengan sesi bergambar ramai, diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah bagi pegawai dan kakitangan yang telah kembali ke rahmatullah.

Majlis juga turut diserikan lagi dengan persembahan dendangan syair bertajuk 'Kisah Orang Pencen' nukilan pena Ibnu 'abir-raheem Baitur-rahim.

Majlis antara lain diadakan adalah untuk memberi peluang kepada warga JPA yang telah bersara atau berpindah ke jabatan kerajaan / swasta bagi bersua muka dan berjumpa semula serta bersilaturahim, di samping dapat mengeratkan ikatan persahabatan yang sedia ada semasa sama-sama bertugas.



Jalin kerjasama dengan pihak sekolah, mantan pelajar

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

MUARA, Sabtu, 12 November. - Seramai 50 orang bekas pelajar Sekolah Persediaan Inggeris

Sultan Umar Ali Saifuddin (SPI SUAS) bersama dengan guru-guru dan pelajar-pelajar Sekolah



MAJLIS Pertemuan Semula yang diadakan untuk menjalinkan kerjasama dengan pihak sekolah dan mantan pelajar bagi menyokong pembelajaran murid-murid (atas dan bawah).



Rendah SUAS Sesi Pengambilan 1972 - 1974 mengadakan Majlis Pertemuan Semula, hari ini.

Majlis bersempena dengan Aktiviti Mantan Pelajar SPI SUAS, Muara itu membawakan tema 'Sekolahku Dalam Ingatan' dan diadakan di Dewan Sekolah SUAS, Muara, di sini.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, Doa Arwah dan diikuti dengan bacaan Doa Selamat serta

diteruskan dengan penyerahan sumbangan buku-buku bacaan dan aktiviti menanam pokok buah-buahan.

Objektif aktiviti ini diadakan adalah untuk memberikan lagi peluang penglibatan buat mantan / bekas pelajar dalam bersama-sama mencetuskan kecemerlangan dengan penglibatan para ibu bapa.

Selain itu, ia juga berobjektif untuk menjalinkan kerjasama dengan pihak sekolah dan mantan pelajar bagi menyokong

pembelajaran murid-murid.

Bekas pelajar banyak mempunyai pengalaman dan kemahiran tersendiri yang dapat diguna pakai dalam melestarikan kecemerlangan sekolah dan dapat memberikan manfaat kepada dua belah pihak.

Dengan adanya aktiviti ini, ia akan memberikan manfaat kepada dua pihak selain memberikan pengalaman dan ilmu pengetahuan melalui aktiviti-aktiviti tersebut.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Tingkatkan Kesedaran Penyakit Tidak Berjangkit'. Tarikh Tutup : 16 November 2022
- 'Suburkan Budaya Bergotong-royong'. Tarikh Tutup : 23 November 2022
- 'Waspada Sindiket Penipuan Kewangan'. Tarikh Tutup : 30 November 2022

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarap jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

DARI MAHKAMAH

2 lelaki tempatan dihukum penjara akibat mencuri

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 November. - Akibat mencuri, dua lelaki warga tempatan, masing-masing dijatuhan hukuman 12 bulan penjara bagi dua pertuduhan di bawah Seksyen 379 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 dan di bawah Seksyen 426 akta yang sama.

Pengiran Mahrin bin Pengiran Ahmad (D1) dan Dannie Hendra bin Mohd. Idris (D2) mengaku bersalah dan hukuman ke atas kedua-dua defendan dijatuhan oleh Majistret Nur Eleana binti Dato Seri Paduka Haji Hairol Arni di Mahkamah Majistret, bermula hari ini.

Pengiran Mahrin, berumur 46 tahun dan Dannie Hendra, berumur 45 tahun didakwa melakukan kesalahan, iaitu mencuri kabel-kabel elektrik (*electric cables*) yang dimiliki oleh Syarikat Minyak Majra.

Kedua-dua defendan telah melakukan kesalahan berkenaan pada 30 September 2021 di Perairan Kampung Pintu Malim.

Pertuduhan pertama, D1 dan D2 dijatuhan hukuman 12 bulan penjara di bawah Seksyen 379 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 dibaca dengan Seksyen 34 akta yang sama.

Bagi pertuduhan kedua, D1 dan D2 melakukan kesalahan yang menyebabkan kerosakan dengan menarik dan memotong kabel-kabel elektrik berkenaan yang dimiliki oleh Syarikat Minyak Majra yang berjumlah BND500 atau ke atas.

Pertuduhan kedua, D1 dan D2 dijatuhan hukuman tiga bulan penjara di bawah Seksyen 426 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 dibaca dengan Seksyen 34 akta yang sama.

Walau bagaimanapun, Majistret Nur Eleana memerintahkan agar hukuman kedua-dua pertuduhan bagi D1 dan D2 berjalan secara serentak dengan jumlah keseluruhan 12 bulan penjara.

Pendakwaan berkenaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Mohammad Kamal Ariffin bin Ismail.

Nasib penipu diketahui 9 Disember ini

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN,

Sabtu, 12 November. - Pada 9 Disember 2022 nanti, penetapan hukuman akan ditetapkan ke atas seorang penduduk tempatan di atas 13 pertuduhan menggunakan dokumen palsu.

Defendant iaitu seorang wanita tempatan telah menggunakan dokumen palsu (cek) dan menjadikannya sebagai tulen, didapati bersalah di Mahkamah Perantaraan,

di sini.

Defendan, Nurafizah binti Hapni yang diwakili Peguam Bela, Rozaiman bin Abdul Rahman telah meminta untuk dibicarakan terhadap pertuduhan-pertuduhan tersebut dan melantik peguam bagi mewakilinya.

Walau bagaimanapun, Hakim Radin Safiee bin Radin Mas Basiuni telah mendapat kes itu dibuktikan oleh pihak pendakwaan tanpa keraguan

munasabah.

Mahkamah mendapat defendan, bekas pekerja AITI, telah menuaikan cek bank atas nama AITI dengan jumlah hampir BND30,000 antara bulan Januari hingga bulan Ogos 2015.

Justeru, Hakim Radin Safiee akan memberi pertimbangan kepada hukuman yang dikenakan bagi setiap pertuduhan dalam menjatuhkan hukuman iaitu penjara maksimum 10 tahun dan juga denda.

Denda akibat lakukan kekerasan

BANDAR SERI BEGAWAN,

Sabtu, 12 November. - Seorang ayah dan anak perempuannya dijatuhan hukuman masing-masing selama enam bulan dan tambahan dua minggu penjara jika gagal membayar denda pampasan berjumlah BND3,353.03 untuk kos pembaikan.

Mahkamah Majistret mensabitkan defendan Haji Shahrum bin Haji Shahbudin atas pertuduhan menyebabkan kecederaan kepada Pegawai Biro Mencegah Rasuah (BMR) manakala anak perempuannya Norshahiela binti Haji Shahrum disabitkan atas pertuduhan merosakkan kenderaan kerajaan milik BMR.

Kedua-dua defendan Haji Shahrum dan Norshahiela juga disabitkan dengan pertuduhan menyerang Pegawai BMR semasa pegawai itu menjalankan tugas rasmi.

Dalam menyampaikan penghakimannya Majistret Kanan, Pengiran Hazirah binti Pengiran Haji Mohd. Yusof, menerima keterangan bahawa defendan Haji Shahrum telah menyerang Pegawai BMR ketika pegawai tersebut bertanyakan tentang anak defendan.

Defendant kemudian menyerang pegawai tersebut dengan mencikik dan menolak leher pegawai berkenaan.

Mahkamah menyatakan bahawa tiada alasan untuk melakukan keganasan dan bersetuju dengan pendakwaan bahawa penjawat awam harus berasa selamat dalam melaksanakan tugas mereka.

Selanjutnya, pihak pendakwaan berhujah bahawa kesalahan tersebut sangat serius dan amat memerlukan hukuman pencegahan yang keras.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Raihan Nabilah binti Haji Ahmad Ghazali manakala Rozaiman Abdul Rahman dari Rozaiman Abdul Rahman Peguambela dan Peguamcaria mewakili defendan.

PADAH AKIBAT RASUAH, PECAH AMANAH, PENYALAHGUNAAN KUASA

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 November. - Seramai tujuh pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) dihadapkan ke Mahkamah Perantaraan atas pertuduhan rasuah, bersubahat melakukan pecah amanah dan penyalahgunaan kuasa.

Kesemua tujuh defendan telah ditahan oleh Biro Mencegah Rasuah (BMR) dalam operasi bersama dengan agensi keselamatan lain yang dijalankan dari 8 September hingga 4 Oktober 2022.

Operasi tersebut dikaitkan dengan maklumat yang diterima oleh BMR berkenaan Pegawai-pegawai JKED yang dikatakan telah melakukan kesalahan menjual barang yang dirampas oleh JKED yang disimpan di sebuah gudang di Muara, di mana sebahagiannya telah diperintahkan untuk dilupuskan.

Maklumat tersebut membawa kepada penahanan Timbalan Ketua Unit Pengurusan Aset dan Logistik, Pengiran Mohd. Amir Ilham bin Pengiran Haji Yusop dan Pegawai Pemeriksa

Kastam, Pengiran Ehsaney Mohammad Mustaffa bin Pengiran Jalil, di mana kedua-duanya telah dibawa ke Mahkamah Majistret pada 10 September 2022 yang lalu dan telah ditahan reman selama dua minggu untuk siasatan lanjut.

Siasatan lanjut berkenaan telah membawa kepada penahanan seorang warga India dan lima orang lagi pegawai dan kakitangan JKED yang terlibat sama dalam kes ini dan turut direman pada pelbagai tarikh untuk siasatan lanjut.

Tangkap susulan kemudian dibuat ke atas Abu Talip bin Haji Awang Tengah (Timbalan Pengusa Kastam) iaitu Ketua Unit Pengurusan Aset dan Logistik dan pada hari ini didakwa kerana melakukan kesalahan pecah amanah di bawah Bab 409 Kanun Hukuman Jenayah pada bulan Ogos 2022 iaitu dengan

menyalahgunakan harta yang dirampas oleh JKED yang termasuk pelbagai alat ganti kenderaan, motosikal mini, basikal, telefon bimbit, jam

tangan, gelang jed dan pemotong rumput di mana telah diamanahkan kepada Abu Talip bin Haji Awang Tengah sebagai Ketua Unit Pengurusan Aset dan Logistik RCED.

Manakala Pengiran Mohd. Amir Ilham, Pengiran Ehsaney Mohammad Mustaffa, Dayangku Harlizan binti Pengiran Zainal (Pegawai Kastam), Muhammad Nazirul Mubin bin Ismail (Pegawai Kastam), Muhammad Khairul Zaman bin Haji A. Said (Pegawai Pemeriksa Kastam) dan Marsidi bin Haji Bakir (Kakitangan Kastam), kesemuanya didakwa di bawah Bab 409 Kanun Hukuman Jenayah dibacakan bersama Bab 109 Kanun yang sama kerana bersubahat melakukan pecah amanah ke atas barang-barang yang sama pada bulan Ogos 2022 bersama-sama dengan Abu Talip.

Siasatan lanjut oleh BMR juga menunjukkan kesalahan-kesalahan lain juga telah dilakukan oleh Pengiran Ehsaney Mohammad Mustaffa (Pegawai Pemeriksa Kastam) yang pada hari ini juga didakwa atas dua kesalahan di bawah Bab 6(a)

Akta Pencegahan Rasuah, kerana menerima rasuah sebanyak BND150 dan BND100 pada bulan September 2022 sebagai ganjaran daripada seorang kontraktor yang telah dianugerahkan dua projek berasingan untuk menjalankan kerja-kerja pemasangan di JKED.

Pengiran Ehsaney Mohammad Mustaffa juga berdepan dengan pendakwaan di bawah Bab 12B Akta Pencegahan Rasuah kerana melakukan salah laku sebagai penjawat awam iaitu seorang Pegawai Pemeriksa Kastam, dengan menjual minuman yang memabukkan kepada seorang warga India di antara 28 Ogos 2022 dan 5 September 2022 di mana adalah satu kesalahan yang dibawah Bab 78 Perintah Eksais, 2006.

Tiada pengakuan diambil daripada kesemua tujuh defendan dan Hakim Mahkamah Pertengahan Radin Safiee bin Radin Basiuni telah menetapkan 12 Disember 2022 untuk sebutan lanjut kes ini.

Kesemua tujuh defendan telah dilepaskan dengan ikat jamin

mahkamah sebanyak BND10,000 atau dua orang penjamin. Pendakwaan kes ini dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Fitri binti Kiprawi dan Timbalan Pendakwa Raya, Khalilah binti Hussin.

BMR mengingatkan bahawa penjawat awam termasuk pegawai penguatkuasa undang-undang diamanahkan dengan kuasa untuk berkhidmat bagi kepentingan awam.

Sebarang penyalahgunaan kedudukan atau kuasa mereka, serta sebarang penglibatan dalam amalan rasuah, boleh didakwa dibawah Akta Pencegahan Rasuah yang boleh dikenakan hukuman penjara tujuh tahun dan denda BND30,000, manakala pendakwaan bagi kesalahan pecah amanah di bawah Kanun Hukuman Jenayah boleh dikenakan hukuman penjara 20 tahun dan denda.

BMR ingin mengingatkan kepada mana-mana penjawat awam termasuk pegawai penguatkuasa undang-undang supaya menjalankan kuasa mereka secara bijaksana dan beretika.

KEBAKARAN LIBATKAN SEBUAH RUMAH, STOR PENYIMPANAN



INSIDEN kebakaran rumah yang berlaku di Kampung Mulaut.

dalam penyiasatan.

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menyarankan kepada orang ramai agar sentiasa memastikan kediaman awda dilengkapi dengan peralatan, iaitu alat pemadam api ringkas jenis Debu kering 2 kilogram dan selimut api (Fire Blanket) selain memastikan menutup (*switch off*) mana-mana suis peralatan elektrik selepas digunakan atau sebelum meninggalkan rumah.

Di samping itu, jangan sesekali meninggalkan masakan di dapur tanpa diawasi dan jika terdapat kebocoran pada gas pastikan untuk membuka jendela dan pintu bagi pengudaraan serta memastikan penyelenggaraan wayar elektrik dikendalikan oleh syarikat yang bertauliah mengikut piawaian yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Elektrik.

Sehubungan itu, JBP ada menyediakan pelbagai program seperti Kursus Life Saver 995, Kursus Fire Marshal dan Taklimat Keselamatan Kebakaran bagi meningkatkan pengetahuan mengenai pelbagai aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul penggunaan

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 November. - Seramai 25 orang anggota bomba masing-masing dari Balai Bomba Jerudong, Balai Bomba Pengkalan Batu, Balai Bomba Beribi dan Balai Bomba Bandar Seri Begawan dikerahkan ke insiden kebakaran rumah yang berlaku di Kampung Mulaut pada Jumaat, 11 November 2022 yang dikenai oleh Pmk. DSO Isa bin Haji Ahad.

Apabila tiba di tempat panggilan didapati api besar membakar keseluruhan sebuah rumah yang menempatkan pekerja asing dan

stor tempat penyimpanan barang-barang terpakai dan seterusnya melarap ke sebuah rumah jenis banglo yang diperbuat daripada konkrit yang berdekatan.

Kebakaran berkenaan juga turut melibatkan beberapa kenderaan di dalam kawasan rumah berkenaan.

Kesemua penghuni telah pun keluar dengan selamat sebelum anggota bomba sampai dan tidak ada korban jiwa dan kecederaan dilaporkan.

Api dapat dikawal dalam masa 10 minit daripada merebak dan punca serta anggaran kerugian masih



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Ainul Asyraf

SEBAGAI salah satu langkah ke arah masyarakat yang lebih sihat, salah satu inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama EVYD Teknologi iaitu kempen yang diberi nama 'BN On The Move', pelan kesihatan promosi yang dipaparkan dalam aplikasi BruHealth. Pelancaran tersebut menandakan bermulanya kempen '1 Billion Steps Together' selama tiga bulan bermula pada Ogos lepas untuk menggalakkan penduduk negara ini bergerak secara kolektif ke arah menjadi warga yang lebih sihat.

Sejauh ini lebih daripada 43 ribu rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD) dicatatkan menyertai kempen berkenaan dan secara purata setiap seorang telah pun menyumbangkan sebanyak 22 ribu langkah. Walkton dan lebih daripada 3,000 orang telah pun menyertai Walkton tersebut bermula dari Taman Haji Omar 'Ali Saifuddien.

Tujuan utama kempen diadakan ialah untuk mengajak rakyat dan penduduk di NBD untuk keluar dan secara kolektif mencatat sekurang-kurangnya satu bilion langkah bersama-sama menuju ke arah masyarakat yang cerdas, sihat serta produktif.

Kempen ini juga merupakan aktiviti pertama antara Kementerian Kesihatan dengan EVYD Teknologi yang telah dirancang ke arah menuju Wawasan Brunei 2035, dengan visi negara menggalakkan gaya hidup sihat kepada rakyat yang menyumbang kepada kualiti kehidupan yang tinggi.

Dengan adanya penjejakan aktiviti ini, ia membolehkan individu berkenaan menyedari tahap aktiviti fizikal mereka, berusaha ke arah mencapai matlamat dan

mempantau kemajuan diri sendiri.

Menurut kajian, berjalan dengan gaya aktiviti fizikal boleh memberi impak positif terhadap kesihatan seperti mengurangkan berat badan, meningkatkan toleransi glukosa dan mengurangkan tekanan darah selain ianya juga membantu tulang dan sendi daripada kecederaan, mengeluarkan hormon yang membantu menaikkan mood kita, meningkatkan kualiti tidur dan menguatkan otot sendi.

Ini ialah sebahagian daripada pelan Kementerian Kesihatan untuk membangunkan lagi aplikasi BruHealth sebagai aplikasi kesihatan digital yang boleh menyesuaikan pelan kesihatan secara peribadi khusus bagi setiap individu.

Melalui aplikasi ini, peserta kempen '1 Billion Steps Together' dapat melihat kedudukan peribadi mereka dalam kalangan rakan-rakan dan di dalam negara melalui papan pendahuluan di aplikasi tersebut. Peserta yang aktif dalam menjalani langkah mereka secara berterusan dan menjemput rakan-rakan yang lain untuk menyertai pelan ini akan diberi ganjaran berupa hadiah untuk memberikan semangat peserta turut serta dalam menyahut cabaran dan meningkatkan nilai perpaduan antara masyarakat di negara ini.

Dengan kejayaan melalui kempen '1 Billion Steps Together' ini, Kementerian Kesihatan telah meneruskan kempen ini dengan cabaran baharu iaitu cabaran 20 bilion langkah bersama bermula pada 1 Oktober 2022. Dengan bermulanya cabaran baharu ini, orang ramai yang menyertai inisiatif 'BN On The Move' juga berpeluang memenangi hadiah-hadiah melalui beberapa cabaran yang dianjurkan

oleh kementerian.

Kempen ini menyediakan beberapa cabaran tambahan antaranya mencapai 10 ribu langkah, mencapai matlamat harian dan mengongsikan video atau gambar di sosial media yang berkaitan dengan kempen tersebut dan membubuh #BNonthemove. Setiap cabaran ini diberi ganjaran hadiah istimewa untuk menarik perhatian ramai.

Bagi menyokong kempen tersebut, beberapa jabatan kerajaan turut mengambil inisiatif sendiri dan beberapa cabaran dalam usaha menggalakkan kaktigannya untuk turut serta. Antara cabaran tersebut ialah mengumpul jumlah langkah paling tertinggi dengan menyediakan

Pelbagai aktiviti sempena Sambutan Hari Diabetes Sedunia

Siaran Akbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 November. - Unit Endokrinologi, Jabatan Perubatan Dalaman, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) akan mengadakan jerayawa sempena Sambutan Hari Diabetes Sedunia 2022 pada Ahad, 13 November 2022 bertempat di Tingkat 1, OneCity Shopping Mall, Kampung Salambigar.

Tema pada tahun ini ialah 'Access to Diabetes Care' dan pelbagai aktiviti diadakan sempena sambutan berkenaan antaranya pemeriksaan kesihatan; pameran mengenai diabetes; kaunseling dari Diabetic Nurse Educator, RIPAS; dan Komuniti (Jururawat Kesihatan Masyarakat) mengenai penyakit Diabetes yang dikendalikan oleh Unit Endokrin, Hospital RIPAS.

Manakala, Unit Pemakanan, Hospital RIPAS mengadakan aktiviti pameran mengenai diabetes dan kaunseling mengenai cara pemakanan sihat; Pusat Mata, Hospital RIPAS mengendalikan aktiviti pemeriksaan mata menggunakan mesin (khusus untuk pemeriksaan mata), pameran poster mengenai diabetes, dan kaunseling mengenai kesihatan mata yang berkaitan dengan diabetes.

Sementara itu Unit Podiatri, Hospital RIPAS mengadakan pameran poster, kaunseling mengenai penjagaan kaki yang betul bagi pesakit yang menghidap diabetes dan pemeriksaan kaki; Pusat Promosi Kesihatan mengadakan pameran, kuiz, dan aktiviti mewarna bagi kanak-kanak; dan EVYD Technology mengadakan pameran kajian klinikal diabetes dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.

Kesemua aktiviti berkenaan dijalankan bermula jam 10.00 pagi hingga 4.30 petang.

Manakala, Pusat Promosi Kesihatan mengadakan aktiviti zumba yang terbuka untuk penyertaan orang awam secara percuma bermula jam 4.30 hingga 5.00 petang.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir ke acara sambutan dan turut serta mengikuti pelbagai aktiviti yang dianjurkan pada hari berkenaan.

alat pemadam api.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian

Kecemasan

memberikan

JBP 995

dan maklumat yang

'BN On The Move' sumbang ke arah kualiti kehidupan sihat



hadiah-hadiah pada setiap minggu kepada mereka yang berjaya.

Ke arah itu, marilah kita sama-sama bergerak untuk mencapai 20 bilion langkah pada penghujung tahun ini dan terus melakukan aktiviti-aktiviti kesukaran serta riadah bersama keluarga dan rakan-rakan ke arah gaya hidup sihat yang optimum. 'BN On The Move' bukan sahaja untuk mencapai langkah-langkah tertinggi, tetapi juga sebagai dorongan untuk kita membuat aktiviti fizikal secara konsisten dan membiasakan diri menjaga kesihatan setelah pandemik COVID-19 melanda dengan terus bergerak untuk kesihatan kerana setiap langkah adalah penting untuk diri kita.



Bantuan, sokongan terhadap perniagaan yang terjejas semasa pandemik COVID-19

Terjemahan oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Sumber : Brunei Darussalam Sustainable Developments Goals
Annual Report 2021

Foto : Jabatan Penerangan

MENYOKONG, MEMBANTU PERNIAGAAN

MENGURANGKAN beban kewangan kepada perniagaan, individu yang terjejas.

Dengan sokongan Bank Pusat Negara Brunei Darussalam, satu set langkah-langkah interim telah diambil oleh Ahli-ahli Persatuan Bank-Bank Brunei yang bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan perniagaan yang terjejas dan individu kerana gangguan secara tiba-tiba kepada aliran tunai dan untuk menyokong modal kerja serta memastikan kemampuan mereka.

Langkah-langkah ini termasuk penangguhan bayaran balik prinsipal pinjaman untuk perniagaan dan individu yang terjejas dalam semua sektor; perdagangan dan mengecualikan bayaran yuran transaksi bagi syarikat dalam sektor pelancongan, restoran atau kafe, pengangkutan udara dan import makanan dan perubatan; penangguhan bayaran balik prinsipal pembayaran bagi pinjaman peribadi dan pembayaran atau pinjaman kenderaan, atau penstrukturkan semula pinjaman atau pembayaran balik dengan tempoh tidak melebihi 10 tahun; penangguhan bayaran balik prinsipal bagi pembayaran atau pinjaman peribadi yang berkaitan dengan tanah, sama ada untuk pemilikan atau untuk tujuan pelaburan; dan penukaran baki

tertunggak pada kad kredit kepada pinjaman bertempoh untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun bagi individu terjejas yang bekerja di sektor swasta sahaja, termasuk yang bekerja sendiri.

Semua bank juga bersetuju untuk mengenakan yuran bayaran untuk permohonan penangguhan dan penstrukturkan semula dan semua caj dan pembayaran bank untuk pemindahan antara bank, tidak termasuk caj pihak ketiga, untuk diketepikan.

Diskaun, pengecualian cukai, yuran, caj, sewa.

Bayaran sewa pasar dan gerai di bawah Kementerian Dalam Negeri juga diketepikan buat sementara waktu sebagai usaha untuk menyokong vendor yang terjejas akibat penutupan gerai dan pasar kerana wabak COVID-19.

Untuk menyokong dan membantu perniagaan semasa pandemik COVID-19, diskaun 30 peratus untuk kadar sewa bangunan kerajaan diberi untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSMEs) mengikut sektor yang dipilih seperti pelancongan, hospitaliti (termasuk hotel dan rumah penginapan), restoran dan kafe dan perkhidmatan pengangkutan penumpang laut dan udara. Di samping itu, diskaun 20 peratus bagi bil air dan elektrik dan diskaun 50 peratus ke atas cukai pendapatan korporat bagi Tahun Taksiran 2022 juga diberikan kepada sektor-sektor yang terjejas di atas.

Sokongan kepada Sektor Agrimakanan

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan langsung kepada sebahagian besar operasi peladang yang terlibat secara aktif dalam kedua-dua Sektor Pertanian dan Perikanan di negara ini, terutamanya dalam memperoleh farm inputs seperti *day old chick* untuk industri ayam dan *fish fingerlings* untuk industri akuakultur dari pembekal luar negara.

Ini memerlukan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk melaksanakan langkah-langkah interim dalam memudahkan pengangkutan farm inputs dari pembekal luar negara dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei.

Program Pasar Kitani dan Kempen Beli Hasil Tempatan turut dilancarkan untuk menyediakan platform alternatif demi membantu petani dan peniaga pasar menjual hasil pertanian mereka dan tidak terjejas oleh penutupan sementara pasar dan gerai. Inisiatif-inisiatif ini juga telah memastikan kestabilan dalam harga produk pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan dan menggalakkan pengeluaran pertanian berterusan.

Satu lagi usaha di mana kerajaan memberi pengurangan harga sebanyak 50 peratus untuk beras pulut selama sebulan bermula 8 April 2020 di Jabatan Perbekalan Stor Negara kepada MSMEs yang menjalankan perniagaan sendiri dalam penyediaan dan penjualan kuih dan kek tempatan menggunakan beras pulut sebagai bahan utama seperti keljis, wajid, seri muka, dan lain-lain. Inisiatif ini telah dilanjutkan dengan

tambahan selama dua bulan kerana ia telah diterima baik oleh sektor swasta dan orang awam.

PROGRAM VAKSINASI KEBANGSAAN

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membangunkan strategi vaksinasi untuk warganegara dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD). Kementerian Kesihatan mengetengahkan bahawa vaksinasi adalah langkah yang paling berkesan untuk memutuskan rantai penyebaran COVID-19. Hasilnya, semakin ramai orang yang menerima vaksin COVID-19, semakin tinggi imuniti rakyat terhadap COVID-19, termasuk risiko yang lebih rendah dari kesan koronavirus terhadap kesihatan awam.

Pada April 2021, NBD secara rasmi melancarkan Program Vaksinasi Kebangsaan COVID-19 untuk rakyat dan penduduk NBD. Program Vaksinasi Kebangsaan adalah percuma untuk semua warganegara dan orang yang bermastautin di NBD yang berumur 18 tahun ke atas dan dilaksanakan dalam tiga fasa iaitu :

(i) Fasa 1 - Bagi petugas barisan hadapan dan individu berisiko tinggi.

(ii) Fasa 2 - Untuk individu yang berada pada tahap sederhana risiko dan pekerja penting lain;

(iii) Fasa 3 - Untuk orang awam.

Kementerian Kesihatan juga menyesuaikan rancangan untuk memberikan suntikan vaksinasi COVID-19 untuk kanak-kanak berumur 12-17 tahun dan dos penggalak untuk orang dewasa yang layak secara berperingkat pada akhirnya tahun 2021.





Tingkatkan kebajikan warga emas, sayangi mereka

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

RAMAI yang telah memperkatakan peningkatan kualiti hidup di serata dunia, dan ini termasuklah bagi negara-negara yang sedang membangun seperti Negara Brunei Darussalam (NBD). Peningkatan pada perkhidmatan kesihatan telah banyak mempengaruhi peningkatan umur.

Warga tua adalah satu golongan yang istimewa yang pernah menjanakan tenaga mereka dalam membimbing generasi kini dengan jayanya. Maka tidak perlu dinafikan lagi bahawa pertolongan kepada golongan tersebut perlu dijatkan.

Dengan jangkaan peningkatan populasi warga tua nanti, sudah tentu akan memberi sedikit tekanan kepada masyarakat secara umumnya bagi menyediakan kemudahan, seperti penjagaan, rawatan dan sebagainya. Penyediaan kemudahan kepada warga tua nanti sudah semestinya akan menggunakan sumber kewangan yang dianjanan daripada kutipan kerajaan atau masyarakat dan juga daripada sumber kewangan peribadi atau persendirian. Masyarakat sekarang harus menanam semangat bertanggungjawab kepada semua warga tua. Perancangan yang sempurna perlu diadakan untuk menangani masalah yang akan dihadapi oleh warga tua.

Sementara itu, konsep penjagaan warga tua atau warga emas perlu diberikan ketertuan yang tetap iaitu dari segi fizikal dan juga emosi mereka. Masyarakat dan pihak berkuasa seharusnya perlu lebih peka terhadap konsep penjagaan warga tua dengan menyediakan program penjagaan yang lebih sempurna dalam semua aspek baik fizikal maupun spiritual kerana

hakikatnya manusia tercipta daripada dua unsur tersebut dan tidak dapat diketepikan sama sekali.

Konsep penjagaan warga emas

Konsep penjagaan atau sikap pemedulian terhadap warga tua atau warga emas tersebut perlu ditanam dalam setiap sanubari manusia tidak kira seseorang itu sudah dewasa atau masih anak-anak lagi.

Dalam agama Islam pula, Islam menganjurkan umatnya agar saling hormat-menghormati dan sayang-menayangi antara satu sama lain tanpa mengira agama, darjah, bangsa ataupun keturunan. Sikap hormat menghormati perlu disemak sejak kecil lagi, lebih-lebih lagi dalam menghormati dan berbuat baik kepada ibu bapa, orang tua ataupun warga emas sama ada yang mempunyai hubungan kekeluargaan ataupun tidak.

Kelazimannya, anak-anak mestilah memikul tanggungjawab untuk menjaga ibu bapa. Anak-anak juga perlu bijak mengambil hati ibu bapa ibarat menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus, tepung tidak berselerak. Tidak disangkalkan lagi, sikap orang tua semakin berubah disebabkan faktor umur. Semakin berumur, hati dan perasaan mereka juga berubah iaitu semakin sensitif dan sentiasa mempunyai perasaan tidak lagi disayangi oleh ahli keluarga. Bahkan ada juga di antara mereka berasa mereka (orang tua) menjadi beban kepada ahli keluarganya. Di sinilah peranan kita untuk bertindak bijak dalam menunjukkan kasih sayang kita kepada mereka.

Terapkan nilai hargai warga emas di sekolah

Selain peranan anak-anak, sekolah juga

berperanan mendidik pelajar dengan menerapkan nilai menghargai warga emas atau orang tua melalui subjek-subjek tertentu seperti pendidikan moral, sivik dan pendidikan agama. Hal ini akan menyebabkan pelajar dapat mempelajari cara menghormati dan menghargai warga emas. Bahkan guru-guru juga boleh mengaturkan lawatan ke rumah orang tua melalui kurikulum dengan mengadakan aktiviti pembersihan kawasan rumah warga emas dan aktiviti menyantuni warga emas. Dengan cara ini, pelajar akan dapat menanam di dalam jiwa mereka menghargai warga emas. Secara tidak langsung, warga emas akan merasa diri mereka dihargai dan disayangi.

Titik berat kebajikan, kesejahteraan warga emas

Kita amat bersyukur di NBD, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menitikberatkan kebajikan dan kesejahteraan golongan warga emas di negara ini agar sentiasa terjaga dan terpelihara. Ini selaras dengan dasar negara dan inisiatif Majlis Kebangsaan Isu Sosial di bawah Pelan Tindakan Warga Emas dalam memastikan warga emas diberikan perhatian khusus untuk menjalani kehidupan secara inklusif di negara ini.

Ini jelas terbukti apabila pada 1 Oktober 2021, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan bagi penguatkuasaan Perintah Orang Kurang Upaya (OKU) 2021 dan Perintah Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya (Pindaan) 2021. Peruntukan undang-undang ini merupakan satu

tanda aras penting bagi golongan warga emas dan OKU di NBD di mana kesejahteraan dan perlindungan dua golongan ini telah diberikan keutamaan yang tinggi dalam agenda kebangsaan.

Hargai hari istimewa ibu bapa

Malah, cara terakhir yang difikirkan wajar adalah dengan menghargai hari istimewa mereka. Sebagai contoh, anak-anak boleh mengadakan Sambutan Hari Ulang Tahun Kelahiran ibu bapa dan Sambutan Hari Ibu dan Hari Bapa. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa yang sudah uzur akan lupa hari-hari tersebut disebabkan faktor usia, akan berasa bahawa diri mereka masih dihargai oleh anak dan cucu mereka. Apatah lagi sambutan hari istimewa ini akan menyebabkan ibu bapa terkenang akan kisah silam mereka sewaktu menjaga anak-anak mereka semasa kecil hingga dewasa. Ini secara tidak langsung dapat memberikan kekuatan dalaman dan semangat serta lebih positif untuk hidup demi orang tersayang.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, tanggungjawab memeduli dan melindungi warga emas bukan hanya terletak kepada pihak kerajaan sahaja, akan tetapi tanggungjawab itu merupakan tanggungjawab semua pihak khususnya anak-anak. Warga emas tidak sepatutnya dianggap sebagai satu beban kerana tiada apa yang lebih bermakna untuk diberikan kepada warga emas dalam meniti usia mereka selain diberikan perhatian dan kasih sayang oleh anak-anak mereka dan orang sekelilingnya.





AS PULANGKAN HAMPIR 200 ARTIFAK JARANG DITEMUI KEPADA PAKISTAN

KARACHI, 13 Nov. - Amerika Syarikat (AS) telah memulangkan kepada Pakistan hampir 200 artifak yang jarang ditemui berusia 8,000 tahun, dalam salah satu penghantaran pulang barang antik terbesar dalam beberapa dekad kebelakangan ini, kata media kerajaan pada Sabtu.

Hasil siasatan ke atas seorang peniaga seni India-Amerika, barang antik milik tamadun Mehrgarh berusia 8,000 tahun itu dipulangkan oleh Jabatan Keselamatan Dalam Negeri

kepada Konsulat Pakistan di New York dalam satu majlis, menurut Anadolu Agency yang memetik laporan Associated Press Pakistan yang memetik Pejabat Peguam Daerah Manhattan.

Sebanyak 192 barang antik, termasuk 187 yang dicuri dan diseludup ke New York pada 1990-an oleh Subhash Kapoor, telah diserahkan kepada Konsul Jeneral Pakistan Ayesha Ali.

Ia juga melaporkan pejabat peguam daerah mengenal pasti Kapoor, pemilik galeri seni Art of the Past di New York dan perniagaan khusus menjual barang antik dari Asia Tenggara itu, sebagai antara

penyeludup terbesar barang antik di dunia.

Artifak itu, termasuk patung Gandharan yang menggambarkan Maitreya -- bentuk kebijaksanaan Buddha -- diletakkan dalam ruang simpanan yang disewa oleh galeri seni sehingga ia dirampas oleh pihak berkuasa AS tahun ini, katanya.

Kapoor, yang ditangkap pada Oktober 2011 di Lapangan Terbang Antarabangsa Frankfurt di Jerman dan diekstradisi ke India atas tuduhan menerima artifak curi, dijatuhi hukuman penjara 13 tahun oleh mahkamah India minggu lepas.

AS yang mendakwa Kapoor dengan tujuh defendant bersama dalam "konspirasi untuk mengedarkan barang antik yang dicuri" pada 2019, sedang berusaha untuk mengekstradisi beliau, katanya.

"Kami akan meneruskan kebertanggungjawaban penuh terhadap Encik Kapoor dan konspirator bersamanya, yang menunjukkan secara terang-terangan mengabaikan kepentingan budaya dan sejarah barang antik ini," menurut Peguam Daerah Manhattan Alvin Bragg.

Enam daripada defendant telah disabitkan oleh mahkamah India dan Amerika dari 2013 hingga

2020, menurut pejabat peguam daerah.

Pakistan mempunyai banyak tapak arkeologi -- bertarikh beribu-ribu tahun -- kebanyakannya dihormati oleh pengikut agama Buddha, Sikh dan Hindu serta agama prasejarah seperti Aryan, Barhaman dan agama Iran dan Yunani kuno.

Terletak di wilayah barat daya Balochistan, tapak arkeologi Mehrgarh ditemui pada tahun 1974 dan telah lama menjadi sasaran utama penyeludup artifak ekoran kurangnya langkah keselamatan. - ©BERNAMA

Ribuan penduduk di Selatan Australia terputus bekalan elektrik akibat ribut kencang

CANBERRA, 13 Nov. - Beribu-ribu penduduk di negeri South Australia (SA) terputus bekalan elektrik selepas ribut petir teruk melanda negeri itu.

SA merekodkan lebih 423,000 kilat pada Sabtu dengan ribut dengan angin kencang melebihi 100 km sejam serta banjir kilat, lapor Xinhua.

Sehingga pagi Ahad, terdapat kira-kira 76,000 pelanggan SA Power belum mendapat bekalan elektrik, dengan beberapa kawasan menyatakan mereka perlu menunggu sehingga Isnin sebelum perkhidmatan dipulihkan.

Perkhidmatan kecemasan negeri (SES) menerima lebih 1,000 panggilan untuk bantuan antara pagi Sabtu dan Ahad.

Satu "siklon mini" dilaporkan melanda Adelaide Hills, menumbangkan pokok dan merosakkan rumah.

Penduduk Kristen Stevens, 33, berkata sebatang pokok setinggi 30 meter tumbang ke atas kereta jirannya. "Saya agak terkejut - saya tidak sangka ia akan menjadi seteruk ini," katanya kepada News Corp Australia.

"Kereta jiran itu hampir terbelah dua. Saya tidak pernah melihat ribut seperti ini, pastinya ia adalah

ribut paling teruk pernah saya alami," katanya.

Bukit dan kawasan pinggir selatan Adelaide paling teruk dilanda ribut, yang memaksa pesta muzik dibatalkan dan penangguhan acara sukan.

Di bandar Middleton di pantai selatan SA, banjir kilat menenggelamkan perniagaan dan rumah selepas tebing anak sungai pecah pada kira-kira pulak 5.00 petang waktu tempatan.

Cuaca dijangka pulih pada Ahad, dengan Adelaide, ibu kota SA, dijangka menerima kira-kira 10 mm hujan. - ©BERNAMA

Kapal persiaran membawa 800 penumpang dijangkiti COVID-19 berlabuh di Sydney

MOSCOW, 12 Nov. - Kapal persiaran Majestic Princess dengan kira-kira 800 penumpang yang dijangkiti COVID-19 berlabuh di Sydney Harbour, Sputnik memetik laporan penyiar ABC pada Sabtu.

Menurut laporan itu, pihak berkuasa kesihatan Australia sedang bekerjasama dengan pengendali kapal persiaran yang membawa 3,300 penumpang dan 1,000 anak kapal memandangkan mereka yang berada dalam kapal itu berada pada tahap amaran tertinggi jangkitan koronavirus.

Ramai orang telah turun dari

kapal selepas negatif dalam ujian COVID-19, kata laporan itu. Marguerite Fitzgerald, presiden pengendali syarikat pelayaran Carnival Australia, berkata terdapat kira-kira 800 orang yang dijangkiti coronavirus di atas kapal itu.

"Ia adalah pelayaran selama 12 hari dan kami mula melihat peningkatan kes kira-kira separuh jalan... Mencerminkan peningkatan dalam penularan komuniti, kami juga melihat lebih ramai penumpang disahkan positif COVID-19 dalam pelayaran Majestic Princess. Ini adalah hasil ujian besar-besaran ke atas 3,300 tetamu kami," kata

Fitzgerald, seperti yang dipetik oleh penyiar itu.

Beliau berkata majoriti daripada penumpang mengalami kesan ringan atau tanpa gejala dan telah mengasingkan diri di dalam bilik mereka semasa perjalanan.

Australia mengalami satu lagi lonjakan kes COVID-19, dengan peningkatan 47.3 peratus dalam kejadian koronavirus berbanding minggu lepas, menurut Jabatan Kesihatan dan Penjagaan Orang Tua. Minggu lalu, Australia merekodkan 54,661 kes baharu, dengan purata 7,809 kes sehari. - ©BERNAMA

Senegal umum senarai 26 pemain skuad Piala Dunia FIFA

DAKAR, 12 Nov. - Jurulatih Senegal Aliou Cisse pada Jumaat mengumumkan skuad 26 pemainnya, termasuk Sadio Mane yang cedera, untuk Piala Dunia FIFA di Qatar yang akan berlangsung dari 20 Nov hingga 18 Dis.

Menjelaskan mengenai pemilihan Mane yang cedera pada Selasa ketika bermain dengan kelabnya Bayern Munich, Cisse berkata berita baiknya ialah pemain terbaik Lions of Teranga dari Senegal itu "tidak perlu menjalani pembedahan".

"Saya memilih untuk mengekalkannya dalam kumpulan kerana kami sudah melalui situasi seperti ini, termasuk

dengan Ismaila Sarr di Piala Negara-Negara Afrika (AFCON 2021). Kami dapat menangani situasi itu," Xinhua memetiknya kenyataannya di akhbar.

"Sadio adalah pemain istimewa dalam pasukan kami. Jadi, kami akan terus memantau kecederaannya dan berharap dalam dua atau tiga minggu, akan ada sedikit perubahan. Kami benar-benar optimis," katanya.

Cisse berkata beliau lebih memikirkan tentang "konsistensi" dan "kesimbangan" dalam mengekalkan tulang belakang pasukan yang memenangi kejuaraan Afrika Februari lepas di Cameroon.

Senegal diundi dalam Kumpulan

A Piala Dunia bersama Ecuador, Belanda dan tuan rumah Qatar. Berikut adalah 26 pemain yang dipilih iaitu Penjaga gol: Edouard Mendy, Seny Dieng, Alfred Gomis, Pertahanan: Kalidou Koulibaly, Abdou Diallo, Pape Abou Cisse, Ismail Jakobs, Fode Ballo Toure, Youssouf Sabaly, Formose Mendy; Pemain tengah: Mamadou Loum Ndiaye, Idrissa Gana Gueye, Nampalys Mendy, Pape Gueye, Moustapha Nam, Pathe Ciss, Pape Matar Sarr, Cheikhou Kouyate, Penyerang: Sadio Mane, Ismaila Sarr, Krepin Diatta, Iliman Ndiaye, Boulaye Dia, Bamba Dieng, Nicolas Jackson, Famara Diedhiou.

- ©BERNAMA

mengekalkannya dalam kumpulan kerana kami sudah melalui situasi seperti ini, termasuk

Banksy pamer karya seni baharu di bangunan musnah akibat perang di Ukraine

KYIV (Ukraine), 13 Nov. - Artis jalanan terkenal Banksy melancarkan karya seni baharunya di Ukraine yang distensil di sisi bangunan yang rosak akibat terkena tembakan.

Menurut United Press International (UPI), karya itu yang disiarkan di akaun Instagram Banksy, memaparkan pandangan sisi figura manusia yang berdiri menggunakan tangan (handstand) di atas timbunan runtuh dengan rambut diikat ke belakang menjadi sanggul pada stensil hitam putih dengan tundatangannya.

Banksy tidak jelaskan banyak kapsyen untuk karya seni baharunya itu, namun melabelkan lokasinya di bandar Borodyanka -- terletak kira-kira 35 batu barat laut Kyiv. Ia adalah antara bandar pertama yang menyaksikan serangan udara Rusia selepas Presiden Vladimir Putin mengarahkan pencerobohan itu pada Februari.

Penyiaran itu seolah-olah mengesahkan laporan bahawa artis itu -- yang lukisannya telah dijual dengan harga berpuluhan-puluhan juta dolar -- berada di Ukraine selepas mural lain yang kelihatan dibuat mengikut gayanya dikesan muncul di seluruh negara yang dilanda perang itu.

UPI juga melaporkan bahawa dalam karya seni lain, yang masih belum dituntut oleh Banksy, seorang budak lelaki boleh dilihat membalikkan seorang lelaki yang kelihatan seperti Putin dalam perlawanan judo.

Banksy yang kekal tanpa dikenali walaupun sudah berkarya hampir dua dekad, terkenal kerana hasil seni dengan mesej sosiopolitik. - ©BERNAMA

Presiden Korea Selatan dan PM Jepun Kishida adakan mesyuarat di Kemboja

PHNOM PENH, 12 Nov. - Presiden Korea Selatan Yoon Suk Yeol mengadakan sidang kemuncak bersama Perdana Menteri Jepun Fumio Kishida pada Sabtu di luar perhimpunan serantau ASEAN di Kemboja.

Kedua-dua pemimpin kini berada di Phnom Penh untuk menghadiri pelbagai sidang kemuncak yang melibatkan ASEAN pada Ahad, agensi berita Yonhap memetik seorang pegawai presiden.

Kedua-dua pihak bersetuju mengenai perlunya sidang kemuncak itu untuk kepentingan kerjasama keselamatan susulan provokasi yang semakin meningkat dari Korea Utara, kata pegawai itu kepada pemberita.

Korea Utara baru-baru ini menjalankan ujian senjata secara bertubi-tubi, termasuk pelancaran peluru berpandu ke arah Jepun, dan dijangka menjalankan ujian nuklear ketujuhnya tidak lama lagi. Sidang kemuncak Ahad adalah pertemuan kali kedua Yoon dan Kishida.

Kedua-dua pemimpin mengadakan pertemuan dua hala pertama mereka di luar Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York pada September. - ©BERNAMA

Gempa bumi 6.7 magnitud landa wilayah Fiji

HONG KONG, 12 Nov. - Gempa bumi dengan magnitud 6.7 menggarkan wilayah Fiji pada 07:09:14 GMT Sabtu, menurut Tinjauan Geologi AS. Menurut Xinhua, pusat gempa pada kedalaman 587.0 km, pada mulanya dikesan pada 20.2 darjah lintang selatan dan 178.2 darjah bujur barat. - ©BERNAMA



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap pada Majlis Pelancaran Hari Strok Sedunia 2022.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 November. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

STROK PUNCA KEMATIAN KE-4 DI NBD

Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menekankan Strok adalah punca kedua kematian dan punca ketiga kehilangan upaya di seluruh dunia.

Malah, Statistik Data Kesihatan Awam Brunei yang diterbitkan pada tahun 2020 oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Brunei Darussalam menunjukkan, bahawa Strok adalah punca kematian ke-4 dan punca utama kehilangan upaya di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Jelasnya, jumlah kematian akibat penyakit Serebrovaskular atau Strok di negara ini juga meningkat daripada 123, pada tahun 2016 menjadi 174, pada tahun 2021.

"Apa yang lebih membimbangkan, kematian pramatang akibat Strok meningkat hampir dua kali ganda daripada 58, pada tahun 2016 kepada 93, pada tahun

2021.

"Manakala, kadar kematian pramatang akibat Strok bagi lelaki sebelum umur 70 tahun adalah lebih tinggi, iaitu 254 kematian, berbanding 182 kematian di kalangan wanita dari 2016 hingga 2021," ujar Yang Berhormat semasa Majlis Pelancaran Hari Strok Sedunia 2022 di Open Plaza, Kompleks Yayasan, di sini.

Menurut Pertubuhan Strok Sedunia, 1 kes Strok baharu berlaku setiap 3 saat di seluruh dunia dan sebanyak 1 daripada 4 orang di antara kita, tegasnya, berisiko untuk mendapat Strok dalam seumur hidup.

Kira-kira 400 kes baharu Strok direkodkan setiap tahun di NBD, di mana kira-kira 65 peratus adalah daripada kumpulan umur 60 tahun ke atas dan 17 peratus lagi, katanya, adalah daripada

kumpulan umur bawah 45 tahun.

Bahkan, dari segi faktor risiko Strok, lebih satu pertiga (36 peratus) penduduk dewasa di NBD didapati menghidap penyakit Darah Tinggi. Dalam kalangan mereka yang menghidap penyakit Darah Tinggi ini, lebih satu perempat, iaitu 29 peratus, terangnya, adalah mereka yang tidak pernah dikesan sebelum ini mempunyai penyakit Darah Tinggi.

Manakala, dalam kalangan mereka yang pernah didiagnosis dengan Darah Tinggi, lebih daripada satu pertiga (35 peratus) daripada mereka, menurutnya, tidak mengambil atau tidak mengikuti arahan pengambilan ubat mengawal Darah Tinggi. Di samping itu juga, dalam kalangan mereka juga ada yang menghisap rokok, menghidap Kencing Manis dan mempunyai tahap kolesterol

yang tinggi.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, kajian saintifik menunjukkan, bahawa Rawatan Awal Strok membawa hasil dan peluang yang lebih baik untuk pulih. Rawatan untuk Strok ada tersedia dan salah satu antaranya hanya boleh diberikan dalam masa 4.5 jam selepas mengalami gejala Strok.

Oleh itu, Yang Berhormat menyeru adalah sangat penting untuk bertindak dengan cepat dan mendapatkan bantuan seberapa apabila gejala Strok berlaku kerana sesetengah rawatan hanya boleh diberikan dalam tempoh masa yang singkat selepas mula mengalami gejala Strok, dan juga bagi membolehkan pesakit mendapat penilaian serta penyiasatan yang diperlukan, tepat pada masanya.

Kenal pasti awal gejala Strok adalah kunci utama

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 November. - Hari Strok Sedunia disambut secara global, pada setiap 29 Oktober dengan objektif untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dan pihak-pihak berkepentingan mengenai Strok.

Strok atau 'Serangan Otak' atau 'Angin Ahmar' berlaku apabila aliran darah ke otak terganggu, sama ada kerana saluran darah tersumbat atau saluran darah yang pecah dan mengakibatkan sel-sel otak rosak serta mati.

Perkara itu, digariskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar pada Majlis Pelancaran Hari Strok Sedunia 2022, yang berlangsung di Open Plaza, Kompleks Yayasan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, fungsi otak yang terjejas menyebabkan gejala, seperti kelemahan anggota badan, kehilangan keseimbangan, kesakuan pertuturan atau komunikasi, gangguan kognitif atau kematian.

Justeru, tema sambutan Hari Strok Sedunia pada tahun ini, 'Minit Boleh Menyelamatkan Nyawa' atau

'Minutes Can Save Lives', dengan hashtag #MASABERHARGA atau #PRECIOUSTIME, tegaskan, memberikan penekanan kepada mengenal pasti awal gejala Strok dan mendapatkan bantuan perubatan dengan segera, di mana mengenal pasti awal gejala Strok adalah kunci utama.

"Ini mudah diingati melalui akronim P.A.N.T.A.S. atau dalam bahasa Inggeris B.E.F.A.S.T, iaitu P - Pergerakan : Tiba-tiba hilang keseimbangan atau koordinasi badan; B (Balance) - Sudden loss of balance or coordination orgiddiness; A - Ada Kesulitan Melihat : Perubahan kepada penglihatan secara tiba-tiba, seperti penglihatan berganda atau buta pada sebelah mata; E (Eyes) - Vision impairment eitherloss of vision or double vision; N - Nampak Wajah Tidak Seimbang : Wajah tidak seimbang atau rasa kebas pada sebelah muka yang menyebabkan senyuman tidak seimbang.

"F (Face) - Face droop or weakness on one side; T - Tangan Kebas : Kelemahan pada sebelah tangan, seperti tidak dapat mengangkat kedua-dua belah tangan; A (Arm) - Weakness in the arms; A - AMAT SUKAR

BERCAKAP : Ucapan tidak jelas atau ucapan yang sukar untuk difahami; S (Speech) - Slurred speech or difficulty to communicate; S - Segera Dapatkan Bantuan : Dapatkan rawatan dengan segera di Jabatan Kecemasan dengan menghubungi 991, walaupun tanda-tanda seolah-olah hilang dan T (Time) - Time to act quickly and call 991 even if the symptoms seem to disappear," ujar Yang Berhormat lagi.

Bukan itu sahaja, Yang Berhormat mengingatkan mengawal faktor-faktor, seperti Tekanan Darah Tinggi, Diabetes, tahap kolesterol tinggi (*hyperlipidemia*), merokok dan fibrilasi atrium jantung (*atrial fibrillation*) serta mematuhi pengambilan ubat-ubatan sudah tentu sama pentingnya, jika tidak lebih penting, seperti mendapatkan rawatan awal bagi mencegah serangan gejala Strok.

Jelasnya, data yang diperoleh dari Statistik Data Kesihatan Awam Brunei menunjukkan, bahawa Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit ini meningkat di antara 2011 hingga 2019.

Faktor-faktor risiko ini, katanya, boleh dikawal dengan

mengamalkan gaya hidup sihat, seperti bersenam secara kerap, pemakanan yang seimbang dan berhenti merokok.

"Walaupun sesetengah penghidap Strok pulih sepenuhnya, terdapat sebilangan besar yang mengalami kemerosotan fungsi jangka panjang dan kekal. Ini membawa kepada cabaran dalam kehidupan sehari-hari secara praktikal, kewangan, sosial dan psikologi, bukan sahaja kepada mangsa Strok, tetapi juga kepada keluarga dan penjaga mereka. Memberi sokongan kepada penjaga-penjaga ini juga adalah penting," tekannya.

Perkara ini, tegas Yang Berhormat lagi memerlukan tindakan, bukan sahaja di peringkat individu, malahan di peringkat sosial dan negara dengan penyelaras dari agensi-agensi lain yang berkaitan.

Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam, katanya, terus bekerjasama rapat bersama pihak berkepentingan lain, seperti Pusat Strok dan Pemulihan Neurosains Brunei, Pusat Pakar Pantai Jerudong, dalam usaha untuk bukan sahaja meningkatkan kesedaran mengenai Strok, tetapi

memberi sokongan kepada mangsa Strok, keluarga dan penjaga.

Dalam hal ini, orang ramai, tambahnya, juga mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk mengetahui mengenai Strok, gejala awal dan faktor-faktor risiko berkaitan.

Maka, dengan adanya pameran seperti yang diadakan pada hari ini, Yang Berhormat berharap, orang ramai akan memanfaatkan maklumat - maklumat yang disediakan dan menggalakkan mereka untuk mengajukan sebarang pertanyaan berhubung dengan Strok.

Bukan itu sahaja, orang ramai yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman Strok juga, tegaskan, berperanan penting dalam menyebarkan maklumat yang tepat, seperti melalui platform media sosial bagi sama-sama kita meningkatkan kesedaran dan pengetahuan terhadap Strok.

Marilah kita bersama mengalihkan Strok, kenali gejala awal dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera. Ingatlah, 'Minit Boleh Menyelamatkan Nyawa'. #MASABERHARGA.

Walkaton eratkan lagi hubungan silaturahim

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Jabatan Pengajian Islam



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 November. - Bersempena memperingati Ulang Tahun Ke-66 Pelaksanaan Pendidikan Ugama Formal di Negara Brunei

Darussalam (NBD), Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengadakan Aktiviti Walkaton semasa Bandarku Ceria,

hari ini.

Acara disertai oleh warga jabatan berkenaan terdiri dari para pegawai, kakitangan, guru-guru serta ahli keluarga masing-masing.

Acara yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, dimulai dengan bacaan Sayyidul Istiqfar, Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan.

Selepas itu Sesi Pemanasan Badan seterusnya pelepasan Aktiviti Walkton sejauh 3 kilometer oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Acara Riadah turut dimeriahkan dengan beberapa aktiviti sampingan seperti kuiz, Bijak Jawi dan Mini Pameran.

Tujuan acara ini diadakan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan warga JPI dan warga sekolah serta keluarga masing-masing.

Di samping itu, untuk menitberatkan kepentingan beriadah yang bukan sahaja



AKTIVITI Walkton sejauh 3 kilometer disertai oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (atas), manakala gambar kiri, sebahagian yang menyertai Aktiviti Walkton semasa Bandarku Ceria.

merupakan satu kegiatan yang sangat baik dan digalakkan bagi mengekalkan kehidupan yang sihat tetapi juga dapat meningkatkan

kesihatan fizikal, mental dan rohani yang secara tidak langsung membantu menanai pendidikan ugama di NBD.



PELITA BRUNEI SUKAN

BNSRC TERUS BERUSAHA PERKUKUH PENJAGAAN STROK

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 November. - Penyakit-penyakit Kardiovaskular, termasuk Strok ataupun Angin Ahmar serta penyakit Jantung adalah punca kematian terbesar di dunia dan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Walau bagaimanapun, impak daripadanya adalah lebih daripada ini dan memandangkan Strok juga boleh menyebabkan berlakunya ketidakupayaan, Strok memberi kesan kepada individu, malahan juga di peringkat masyarakat.

Pengarah Pusat Strok dan Pemulih Neurosains Brunei (BNSRC), Pusat Pakar Pantai Jerudong, Pengiran Dr. Hajah Siti Nur'Ashikin binti Pengiran Dato Paduka Haji Tengah berkata demikian semasa Majlis Pelancaran Hari Strok Sedunia 2022, di Open Plaza, Kompleks Yayasan, di sini.

Menurutnya, di antara 20 hingga 60 peratus penyakit Demensia ataupun penurunan fungsi kognitif dan ingatan boleh berlaku berkaitan dengan penyakit Strok.

Malah, Strok tegasnya, boleh menjelaskan keupayaan seseorang dari segi pergerakan, pertuturan, berfikir, bekerja dan berinteraksi bersama rakan-rakan dan orang tersayang.

"Tiga mesej utama Hari Strok Sedunia, iaitu pertama, pencegahan adalah kunci. Kita mengenali, bahawa 8 daripada 10 Strok boleh dicegah melalui gaya hidup sihat, termasuk senaman yang kerap, pemakanan yang sihat, berhenti merokok dan pengawalan risiko-risiko Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit ataupun NCD, seperti Tekanan Darah Tinggi, Kencing Manis, Kolesterol Tinggi," menurutnya.

Strok juga, katanya, sangat berkait rapat dengan keadaan jantung yang boleh menjelaskan peredaran darah ke otak. Kesedaran dan amalan pencegahan seharuslah terus ditingkatkan di seluruh lapisan rakyat sebagai tindakan yang paling berkesan dan ini adalah tanggungjawab semua.

"Kedua, adalah sangat penting bagi seseorang yang mengalami simptom Strok untuk datang ke hospital secepat mungkin.

Gejala Strok mudah diingati melalui akronim, seperti P.A.N.T.A.S. ataupun BE FAST untuk mengenal pasti kemungkinan Strok melalui kemerosotan keseimbangan, mata, wajah, lengan atau pertuturan. Beliau haruslah segera datang ke hospital atau dengan menghubungi Talian 991," ujarnya.

Di BNSRC, kira-kira 400 kes baharu Strok dirawat setiap tahun. Statistik dari Jun 2021 ke Mei 2022 menunjukkan, bahawa 31 pesakit, terangnya, menerima rawatan thrombolysis ataupun ubat untuk memecahkan darah beku di aliran darah, di otak.

Beliau menyatakan, satu kaedah baharu, iaitu *thrombectomy* telah mula ditawarkan untuk sebahagian daripada Kes Strok di Negara Brunei Darussalam, pada tahun 2018, iaitu rawatan untuk menyedut keluar darah beku dari saluran darah yang tersumbat.

"Apa yang mendukacitakan adalah beberapa pesakit tidak hadir ke hospital dalam tempoh yang membolehkan rawatan-rawatan yang diperlukan. Kajian telah menunjukkan, bahawa kurang dari 20 peratus Pesakit Strok menghadiri diri ke hospital dalam masa 4.5 jam yang diperlukan untuk *thrombolysis*. Oleh itu, tema sambutan Hari Strok Sedunia pada tahun ini, 'Minit Boleh Menyelamatkan Nyawa' dengan Hashtag #MASABERHARGA atau #PRECIOUSTIME memberikan penekanan kepada mengenal pasti awal Gejala Strok dan mendapatkan bantuan perubatan dengan segera.

"Dan Ketiga, kita mesti bersama-sama memberikan harapan dan sokongan kepada Pejuang Strok dan keluarga mereka. Kita harus menyasarkan kehidupan yang bermakna bagi mereka dan keluarga mereka dalam komuniti kita dan tidak mengasingkan mereka. Terdapat banyak kisah inspirasi Pejuang Strok, termasuk yang di dalam lingkungan usia bekerja, yang mana di Negara Brunei Darussalam 65 peratus Pesakit Strok adalah di bawah usia 60 tahun, berbanding 38 peratus, di United Kingdom," tambahnya.

Dari itu, BNSRC, tegasnya, akan terus berusaha untuk memperkuuhkan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyertai Walkaton tersebut.

Penjagaan Strok di NBD di tahap antarabangsa dipandukan 'Pelan Hala Tuju untuk Pemberian Penjagaan Strok' yang berkualiti ataupun 'Roadmap to Delivering Quality Stroke care', yang dianjurkan oleh Persatuan Strok Sedunia.

Pelan komprehensif ini merangkumi semua aspek Strok dari pra-hospital ke pemulihan jangka masa yang panjang dan integrasi semula ke komuniti. Saya juga berhasrat tinggi supaya penubuhan Kumpulan Sokongan Strok akan menjadi realiti dalam masa terdekat serta mengalau-alukan penyertaan orang ramai dan pihak-pihak berkepentingan untuk turut serta.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya melancarkan majlis tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Timbalan Pengurus Lembaga Pengaruh Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC).

Juga hadir selaku tetamu khas dan melancarkan sama majlis itu ialah Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Sejurus pelancaran, majlis itu diteruskan dengan acara Sesi Senamrobik dan diteruskan dengan pelancaran Walkaton Walk-a mile, bermula dan berakhir di Kompleks Yayasan, yang dilepaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pada acara itu, tetamu kehormat majlis dan tetamu khas berpeluang menyaksikan petak pameran yang berkaitan Strok, yang dikendalikan oleh pelbagai jabatan yang melibatkan rawatan dan penjagaan Pesakit Strok, selain penaja-penaja lain, iaitu Jerudong Park Medical Centre (JPMC), Sehat Water IBIC Sdn. Bhd., Ben Foods (B) Sdn. Bhd. dan Victorious Health and Fitness Centre.

Juga hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pengurus Bersama Sambutan Hari Strok Sedunia PJSC, Dr. Haji Mazrul Adimin bin Haji Awang Besar serta para jemputan.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

JPBD adakan Walkability Retreat

bagi Tahun 2022.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Terdahulu acara telah dimulakan dengan Sesi Senamrobik yang diikuti dengan Aktiviti Riadah Berjalan Kaki (Walkability Retreat) sepanjang 2 kilometer bermula dan berakhir di JPBD yang memfokuskan laluan di sekitar Kompleks Bangunan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Acara Walkability Retreat diadakan bertujuan untuk mengetengahkan kepentingan persekitaran kemajuan yang kondusif dan selamat bagi

menjana kehidupan sihat melalui riadah berjalan kaki.

Ia merupakan antara aspek utama yang diberi keutamaan di dalam pelan induk 'Pedestrian Masterplan' yang sedang dalam penyediaan pihak JPBD dengan kolaborasi bersama pihak Jabatan Kerja Raya.

Sementara itu, di ruang legar JPBD para peserta juga berkesempatan untuk menyaksikan Mini Pameran 'PPP Corner - Pedestrian Masterplan and Green Initiatives'.

Sambutan Jubli Emas pada tahun ini lebih signifikan di mana sebanyak 50 pokok telah ditanam dengan kolaborasi bersama pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi yang merupakan antara usaha pihak JPBD dalam mendukung protokol

hijau pada dasar perubahan iklim negara.

Sepanjang sambutan, bazar menampilkan pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) juga turut diadakan. Aktiviti ini adalah sebahagian usaha jabatan berkenaan melalui perancangan guna tanah dalam mendukung perkembangan PKS di negara ini.

Antara yang hadir pada acara tersebut, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan turut disertai oleh Ahli-ahli Majlis Perancangan Guna Tanah Kebangsaan, warga kerja Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya, ahli-ahli komuniti di bawah autoriti perancang, para profesional industri pembinaan dan pihak awam.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan menyertai Aktiviti Riadah Berjalan Kaki (Walkability Retreat).

BERAKAS, Ahad, 13 November. - Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), Kementerian Pembangunan telah mengadakan Acara Walkability Retreat, hari ini, bertempat di sekitar Kompleks

Bangunan Kerajaan, di sini.

Acara tersebut diadakan bagi menyemarakkan Sambutan Jubli Emas JPBD dan seterusnya memperingati Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia